

**Jilid V
No. 31**



**Hari Selasa
28hb Januari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT KAPADA PERTANYAAN²
[Ruangan 4713]**

**RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM
MESHUARAT [Ruangan 4719]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1969—

**Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kedelapan)—
Kepala B. 27 [Ruangan 4720]**

Kepala² B. 28 sa-hingga B. 32 [Ruangan 4730]

MALAYSIA

DEWAN IRA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Selasa, 28hb Januari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

Yang Berhormat **TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK** (Muar Dalam).

- „ **TUAN CHAN CHONG WEN**, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN**, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ **TUAN CHIN FOON** (Ulu Kinta).
- „ **DATO' SYED ESA BIN ALWEE**, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID** (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia **TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM**, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat **TUAN GEH CHONG KEAT**, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

- „ **TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG**, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ **TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS**, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ **TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN**, A.M.N. (Jerai).
- „ **TUAN HARUN BIN ABDULLAH**, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ **WAN HASSAN BIN WAN DAUD**, J.P. (Tumpat).
- „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU**, A.D.K. (Sabah).
- „ **DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN**, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ **TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN**, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ **TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN**, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ **TUAN ISMAIL BIN IDRIS**, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- „ **TUAN KAM WOON WAH**, J.P. (Sitiawan).
- „ **TUAN LEE SECK FUN**, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ **DR LIM CHONG EU** (Tanjong).
- „ **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD** (Kota Star Selatan).
- „ **TUAN T. MAHIMA SINGH**, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ **DR MOHAMED BIN TAIB** (Kuantan).
- „ **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD** (Besut).
- „ **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL**, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID**, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD**, A.M.N. (Temerloh).
- „ **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD**, P.J.K. (Kemaman).
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL** (Perlis Selatan).
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH** (Pasar Mas Hilir).
- „ **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR**, A.B.S. (Sarawak).
- „ **TUAN MUSA BIN HITAM** (Segamat Utara).
- „ **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR**, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD** (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K.,
P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

„ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).

„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).

„ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sukan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT KAPADA PERTANYAAN²

Kerjasama di-Antara Brunei Dengan
Malaysia

SEBAB PENGUNDORAN TEN- TERA BRITISH DARI BRUNEI TAHUN 1971

1. Tuan Ahmad bin Arshad minta ka-
pada Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) memandang kepada pengundoran
Tentera² British dari Brunei pada
tahun 1971, sama ada Kerajaan

Brunei meminta kerjasama
Malaysia dalam mempertahankan
kawasan ini;

- (b) sama ada pendedahan dasar per-
tahanan di-Brunei akan menjadi
satu ancaman kepada keamanan
dan keselamatan Malaysia, khas-
nya Malaysia Timor.

The Parliamentary Secretary to the
Deputy Prime Minister (Tuan Chen
Wing Sum) (*dengan izin*): Sir, whether
the Brunei Government seeks Malay-
sia's co-operation in the defence of the
area after the British withdrawal in
1971 is a matter which can only be
replied by the Brunei Government.

I do not quite understand what the
Honourable Member really means by

the "disclosure of the defence policy in Brunei". If he means the weakness of the defence of Brunei after the British withdrawal, then I believe, if there is any threat to the security of East Malaysia resulting from such weakness, such a threat is not something which cannot be contained.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Lima Negara yang akan di-adakan pada bulan Mei akan datang, ada-kah Brunei akan turut sama dalam Persidangan itu sa-bagai wakil penoh atau sa-bagai pemerhati?

Tuan Chen Wing Sum: Sir, it is up to the Brunei Government to decide whether it is desirable for them to participate in the forthcoming Five-Power Conference in Canberra. However, as far as Malaysia is concerned, Brunei to Malaysia is just like Singapore to Malaysia, our defence is indivisible and, therefore, if the Brunei Government should decide that it is in their own interest to participate in the coming Conference, Malaysia would certainly welcome them to do so.

TUDOHAN² TERHADAP LEMBAGA PERANCHANG KELUARGA

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) memandang kapada tudohan² bahawa Lembaga Peranchang Keluarga chuba mengurangkan ra'ayat bangsa Melayu terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar, apa-kah tindakan yang di-ambil oleh Lembaga itu bagi menghapuskan tudohan² itu;
- (b) sama ada kemudahan² yang disediakan oleh Persatuan Peranchang Keluarga di-berikan juga kapada penuntut² wanita.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, tudohan² itu ada-lah tidak benar sama sa-kali. Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri sa-bagai Pengerusi-nya telah pun menyangkal tudohan² ini melalui surat² khabar, radio dan talivishen dan juga di-

perjumpaan² ramai. Dalam pada itu hendak-lah di-ingatkan juga bahawa tidak-lah sa-orang pun di-paksa mengamalkan peranchang keluarga itu melainkan jika dia sendiri berkehendakkan.

(b) Tidak.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa mereka yang menyertai peranchang keluarga ini ibu² di-dapati melahirkan anak yang kembar sampai 2 hingga 4 bagaimana hari ini, apa sikap Kementerian ini atas pelahiran anak yang bertambah itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jika ibu bapa itu bertambah anak-nya lagi memang pulang balek kapada ibu bapa akan tetapi Kementerian ini akan menasehatkan kapada ibu bapa itu jangan-lah mendapatkan banyak anak jikalau anak sudah banyak memang-lah kesusahan² yang timbul bukan ibu bapa sahaja tetapi negara kita dapat kesusahan juga.

BILANGAN GURU² YANG DI-BERIKAN IZIN (DI-BAWAH PERATORAN 7 (a)) BERPOLITIK TAHUN 1968

3. Dr Tan Chee Khoon bertanya kapada Menteri Pelajaran di-antara guru² yang telah di-beri izin berpolitik dalam tahun 1968 berapa bilangan yang telah di-beri izin di-bawah 7 (a) sahaja. Sila beri angka² berasingan² bagi tiap² parti siyasah.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, 329. Saya dukachita tidak dapat memberi angka² yang berasingan mengikut parti² politik sebab perkara ini ada-lah sulit. Saya suka menjelaskan bahawa dalam pertimbangan sa-suatu permohonan parti politik pemohon tidak di-perhetongkan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Beberapa kali di-Dewan ini Menteri Pelajaran telah berkata permohonan² ini lebeh daripada Partai Perikatan dan kami di-Partai Pembangkang anggota² kami tidak berani memohon kebenaran untuk mengambil bahagian dalam politik. Jikalau bagitu mengapa-kah Menteri

Muda Pelajaran sekarang berkata perkara ini 329 yang di-beri kebenaran untuk mengambil bahagian dalam politik tidak boleh di-beri tahu dimana² mereka datang, daripada partai Perikatan atau D.A.P. atau P.M.I.P. atau Gerakan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab perkara ini ia-lah perkara sulit.

BILANGAN GURU² DI-BERI IZIN (DI-BAWAH PERATORAN 7 (a), (b), (c), (d) DAN (e) BERPOLITIK TAHUN 1968

4. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran di-antara guru² yang telah di-beri izin berpolitik dalam tahun 1968 berapa orang yang telah di-beri izin di-bawah 7 (a), (b), (c), (d) dan (e). Sila beri angka² berasingan bagi tiap² parti.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sa-puloh. Saya juga tidak dapat memberi angka² yang berasingan mengikut parti² politik kerana perkara ini saya telah menjawab tadi. Walau bagaimana pun saya suka menjelaskan sa-bagaimana yang saya katakan tadi dalam pertimbangan sa-suatu permohonan parti politik, permohonan tidak di-ambil perhetongan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Muda bagi angka² bukan dari segi parti, tetapi dari segi ini 7 (a) berapa, 7 (b) berapa, 7 (c) berapa, (d) berapa, (e) berapa?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu pun saya telah menjawab juga. Kementerian ini telah menimbangkan siapa-kah guru² itu mengambil bahagian politik yang sesuai untuk negeri kita, baru-lah kita di-luluskan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri Muda sedar dan dengan izin tuan saya hendak membacha (a) hingga (e).

Tuan Yang di-Pertua, 7 (a), jenis kegiatan politik potong yang tiada kebenaran untuk memegang Jawatan-kuasa dalam chawangan bahagian atau negeri, untuk beruchap di-khalayak

ramai, kebenaran perkara² politik, untuk menulis surat atau mengadakan temuramah dengan akhbar berkenaan dengan perkara² politik, untuk menerbitkan buku² atau majallah² atau menyebarkan risalah² yang mengemukakan pendapat berkenaan perkara politik, mengambil bahagian untuk memungut supaya bagi penyokong chalon² pilehanraya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kiranya saperti di-pohonkan ini yang di-beri (a) sahaja, untuk memegang jawatan dalam chawangan, bahagian atau negeri sahaja dan tidak di-beri kebenaran untuk (b), (c), (d), dan (e), bagaimana-kah beliau atau mereka yang di-beri kebenaran 7 (a) sahaja boleh mengambil bahagian chergas dalam politik?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berchakap tadi, Kementerian saya menyiasat siapa-kah yang boleh ambil bahagian dalam politik yang sesuai untuk negara kita, untuk kebaikan keselamatan kita, baru-lah kita memberikan kelulusan kepada pemohon itu. Jadi tidak-lah kira (a) atau (b) dan sa-bagai-nya. Jadi saya tidak boleh-lah beritahu kepada Yang Berhorma^t itu. Jika Yang Berhorma^t itu tidak puas hati, saya tidak boleh buat apa².

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Muda atau Kerajaan Perikatan takut memberi jawapan ini oleh sebab di-antara 329 guru² yang di-beri kebenaran, anggota² dari Parti Perikatan di-beri kebenaran 7 (a) hingga (e) dan anggota² dari Parti Pembangkang di-beri kebenaran 7 (a) sahaja, oleh sebab perkara ini sulit dan tidak berani memberitahu kepada ra'ayat di-seluruh Malaysia?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya itu telah di-terangkan pada masa tadi. Jikalau siapa² parti politik di-dalam negeri ini telah di-akuⁱ oleh Kerajaan sa-buah parti politik yang telah berdaftar dan di-luluskan Kerajaan, memang-lah siapa² itu boleh ambil bahagian politik. Jadi tidak mengasingkan kepada Parti Perikatan atau parti yang lain, Parti PAS, Parti Gerakan dan sa-bagai-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri Muda Pelajaran memberitahu ada-kah Anggota² Parti Perikatan diberi kebenaran dari (a) hingga (e) atau ada-kah anggota² Parti Pembangkang bagitu juga di-beri kebenaran 7 (a) hingga 7 (e).

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu saya tidak ingat.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah Menteri Muda Pelajaran ini sedar atau tidak ia-itu guru² yang mendapat kebenaran berpolitik daripada pehak Kerajaan, mereka ini di-pindah kepada tempat yang di-kehendaki oleh Parti Politik Kerajaan daripada kepentingan untuk orang itu di-hantar kepada tempat² di-luar bandar.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Muda Pelajaran telah berkata di-antara syarat² atau di-antara apa diberi kebenaran itu ia-lah kata-nya keselamatan negeri. Bolehkah Menteri Muda Pelajaran beritahu tentang kes Enche' Kassim bin Ahmad, yang beliau di-berhentikan kerja-nya, Kementerian Pelajaran telah berpendapat beliau ia-lah sa-orang yang boleh mengancam keselamatan dalam negeri?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ia-lah soalan lain.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar sa-orang guru yang menyokong Persatuan Islam sa-Tanah Melayu tidak di-beri kebenaran untuk berpolitik, yang telah meminta beberapa kali daripada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tetap soalan lain (*Ketawa*).

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE MAJLIS AMANAH RA'AYAT (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² an Act to amend the Majlis Amanah Ra'ayat Act, 1966 di-

bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Ta' Berjabatan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

THE SABAH PORT AUTHORITY (CONSEQUENTIAL PROVISIONS) (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² an Act to amend the Sabah Ports Authority (Consequential Provisions) Act, 1968 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pengangkutan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

THE COMPANIES (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² an Act to amend the Companies Act, 1965 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan atas Masaalah Kepala 27 menjadi sabahagian daripada Jadual (27hb Januari, 1969)—(Hari Yang Kedelapan).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

JADUAL

Kepala B. 27—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya bangun menyambong jawapan saya petang semalam berkenaan dengan ucapan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Oleh sebab banyak Ahli² Yang Berhormat

yang telah berchakap dan kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat itu menyebut berkenaan dengan kekurangan pegawai² dan kaki-tangan rumah sakit dan juga kekurangan rumah² sakit baharu, di-sini suka-lah saya berchakap berkenaan dengan dasar Kementerian Kesihatan ia-itu pada sedikit masa ini Kementerian Kesihatan tidak berchandang hendak membena rumah² sakit baru lagi, hanya satu sahaja ia-itu di-Changkat Melintang. Walau bagaimana pun Kementerian Kesihatan akan berusaha sebagai tahun² yang lalu untuk memperbaiki dan membaharu² wad² yang ada sekarang ini dan jika perlu di-tambah wad² yang baru di-rumah sakit di-seluruh negara kita ini.

Tuan Pengerusi, apa yang di-fikirkan mustahak ia-lah perkhidmatan kesihatan luar bandar. Oleh sebab Ahli² Yang Berhormat telah pun mengecham Kerajaan dan juga Kementerian saya mengatakan penduduk² yang tinggal di-luar bandar ini di-anak tirikan, atau di-biarkan begitu sahaja, suka-lah saya bagi tahu, ia-itu dalam masa 10 tahun ini, 39 Pusat Kesihatan Besar yang berharga tak kurang daripada \$350 ribu pada tiap² sa-buah, telah pun di-bena berbanding dengan hanya ada 8 buah Pusat Kesihatan Besar pada tahun 1960, dan juga di-tiap² Pusat Kesihatan Besar itu ada di-tempatkan sa-orang doktor dan sa-orang doktor gigi, dan pada hari ini berma'ana-lah 30 orang doktor sedang berkhidmat di-kawasan² luar bandar. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, sa-banyak 154 Pusat Kesihatan Kechil yang berharga tak kurang daripada \$150 ribu sa-buah telah pun di-bena berbanding dengan hanya 8 buah pada tahun 1960, dan kelinik bidan pula akhir tahun 1968 ada sa-banyak 784 buah berbanding dengan hanya 26 buah pada tahun 1960. Dengan ini berma'ana, Tuan Pengerusi, yang Kementerian Kesihatan sedang berikhtiar dengan seberapa daya-nya untuk meninggikan lagi taraf kesihatan penduduk² yang tinggal di-luar bandar yang berjumlah hampir² 65% daripada penduduk² dalam negeri ini. Berkenaan dengan pegawai², Tuan Pengerusi, Kementerian saya juga sedang berikhtiar supaya membanyakkan lagi pegawai². Berkenaan dengan kekurangan doktor telah saya terang-

kan semalam dan berkenaan dengan pegawai² yang lain, sebagai jururawat dan pembantu jururawat, Kerajaan sedang mengambil pegawai² ini untuk berlateh; dan pada hari ini pun sakurang²-nya hampir dua ribu orang pegawai² dan kaki-tangan sedang menjalani latehan.

Ahli Yang Berhormat daripada Johor Bahru Barat telah meminta supaya di-tambah bilangan ambulance di-Rumah Sakit Johore Bahru daripada 4 ka-6. Kementerian saya akan mengkaji semula kedudukan ambulan² di-tiap² rumah sakit yang ada di-dalam negeri ini, termasuk-lah Rumah Sakit Johor Bahru. Dan jika perlu, akan di-tambah dan yang mana burok, akan di-ganti baru, dan ambulan² ini juga akan dilengkapi dengan alat² saperti oxygen dan darah jika di-fikirkan perlu.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan berchakap berkenaan dengan Tabong Darah. Saya telah pun menerangkan semalam ia-itu satu badan peringkat kebangsaan telah pun ditubuhkan pada awal bulan ini dan Jawatan-kuasa ini atau badan ini akan berikhtiar memberi layanan yang baik kepada penderma² sama ada sa-chara *incentive* dan lain². Satu tempat, ia-itu di-Pusat Perubatan, akan menjadi Pusat Penyelidikan untuk darah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Untok penjelasan, Tuan Pengerusi. Ada-kah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan sedar pemberian darah (blood donation) ini ada beberapa orang telah kesal oleh sebab mereka memberi . . .

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak bertanya tentang mana yang tidak jelas itu?

Dr Tan Chee Khoon: Ya, saya hendak jelas sedikit tentang . . .

Tuan Pengerusi: Bukan hendak boleh jelas tidak boleh.

Dr Tan Chee Khoon: atau bertanya.

Tuan Pengerusi: Bertanya boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan sedar beberapa orang yang hendak memberi darah di-rumah sakit masing² mereka tidak puas hati atau kesal oleh

sebab mereka boleh memberi darah dalam masa yang tetap pukul 8 sa-tengah hingga pukul 4 sa-tengah atau 4, tetapi oleh sebab mereka tidak boleh mengambil chuti mereka boleh memberi darah perchuma apabila mereka keluar atau sa-lepas kerja. Kalau Setia-usaha Kementerian Kesihatan sedar, boleh-kah beliau atau Kementerian Kesihatan memberi directive kepada rumah sakit masing² di-seluruh Malaysia ambil darah sa-lepas waktu kerja sa-lepas 4 sa-tengah? Malam tadi sahaja sa-orang pergi ka-gudang ubat saya kata-nya doktor macham mana saya hendak memberi darah tetapi saya tidak boleh pergi ka-rumah sakit oleh sebab saya terpaksa kerja tetapi sa-lepas kerja saya boleh pergi ka-Rumah Sakit Umum di-Kuala Lumpur menderma darah.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan memang sedar perkara ini dan oleh sebab itu-lah Majlis Kebangsaan Perkhidmatan Pemindahan Darah itu ditubuhkan, dan Majlis ini akan mengkaji beberapa aspek bagaimana menggalakkan penderma² darah supaya boleh penderma² darah itu pergi ka-rumah² sakit bila² masa mereka lapang, dan menyematkan pingat²; kerana pada masa ini, tiap² negeri dan tiap² pertubohan atau pun Pertubohan penderma darah ini berjalan dengan bersendirian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan juga telah berchakap berkenaan dengan ubat D.D.T. yang di-gunakan untuk menchechah malaria itu di-gunakan warna sa-bagai warna kayu. Ini nampak-nya susah sadikit, Tuan Pengerusi, oleh sebab kesulitan² teknik, akan tetapi Kementerian akan berusaha supaya perkara ini dapat di-atasi dari satu masa ka-satu masa. Berkenaan dengan lenchana atau bedge, yang patut dipakai oleh pegawai² dan kaki-tangan sekalian, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana memberikan sokongan-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baharu minta supaya di-Rumah² Sakit Kulim itu di-pakai siling (ceiling), tetapi dalam lawatan saya bulan yang lalu, saya dapati semua wad² yang ada

di-dalam Rumah Sakit Kulim itu telah pun ada ceiling, bumbong. Dan berkenaan dengan X-ray Kementerian Kesihatan memang sedang berikhtiar membuat banchi di-mana² yang perlu, dan patut di-tukar. Berkenaan dengan pakar; oleh sebab kekurangan pakar, maka tak dapat-lah Kementerian Kesihatan menghantar sa-orang pakar ka-Kulim. Tetapi, saya suka memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat ia-itu tak payah lagi hantar orang sakit daripada Kulim ka-Sungai Petani, yang jauh-nya 30 batu, atau pun ka-Alor Star yang jauh-nya 70 batu, datang-lah ka-Bukit Mertajam, yang hanya 8 batu sahaja, dan ada pakar² di-sana.

Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara bertanya sama ada Cardiac Unit atau pun Unit Penyakit Jantung dan Mata itu akan di-pindahkan ka-Kuala Lumpur. Itu tidak benar, tidak akan di-pindahkan ka-Kuala Lumpur. Tetapi ada ranchangan satu Cardiac Unit atau Coronary Intensive Care akan di-bena di-Pulau Pinang pada tahun ini. Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan Rumah² Pegawai² Rendah. Ini memang-lah Kementerian saya sedang mengambil perhatian untuk mengatasi masalah itu. Dan perkara pengambilan wang pertarohan, ini juga Kementerian akan mengambil perhatian.

Berkenaan dengan pil Peranchang Keluarga. Ini saya fikir yang patut menjawab-nya ia-lah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, tetapi oleh sebab Ahli Yang Berhormat ini mengatakan orang² yang mengamalkan pil² Peranchang Keluarga nampak-nya bertambah berat badan-nya, saya rasa jangan-lah mereka itu bimbang, kerana ada-lah lebeh bahaya dan berat lagi kalau sa-orang itu mengandung. Kalau makan badan-nya jadi berat sadikit, tidak-lah mengapa. Berkenaan dengan menggalakkan lagi makanan zat² protein, ini saya suka memberi tahu ia-itu dalam ucapan Yang Berhormat Menteri bahawa keadaan zat makanan pada umum-nya akan di-satu dan di-perhebatkan.

Satu perojek mengandongi Kementerian² termasuk Kementerian Pertanian,

Kementerian Pelajaran dan lain² Kementerian dan ejen² Antara Bangsa, ejen² sukarela dan kaum² tempatan termasuk Kementerian saya telah menjalankan satu ranchangan untuk perkara ini. Ranchangan ini akan menjadi satu ranchangan tindakan kaum ia-itu Community Action Program.

Dan berkenaan dengan Penyakit Untut dan Penyakit Puru di-Permatang Pasir Pulau Pinang. Ada satu (team) pasokan yang sedang berkhidmat disana dan Kementerian akan berhubung dengan mereka itu supaya melawat tempat² yang di-sebutkan.

Ahli² Yang Berhormat daripada Lipis berchakap supaya di-adakan satu Surohanjaya atau Commission untuk menyiasat dari hal Pegawai² Perubatan atau Doktor². Ini tidak payah-lah di-adakan Commission kerana Kementerian Kesihatan sedang berikhtiar dan satu Jawatan-kuasa yang di-lantek oleh Jema'ah Menteri telah pun di-tubuhkan di-Kementerian saya, ia-itu yang di-pengerusikan oleh Ahli Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil sendiri. Jawatan-kuasa ini akan menimbangkan beberapa aspek berkenaan dengan doktor² sama ada patut berkhidmat 5 tahun dengan Kerajaan atau tidak, sebagaimana yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Utara.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Setia-usaha Parlimen, ada-kah termasuk dalam tugas Surohanjaya itu berhubung dengan gaji² doktor.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, Kementerian ini tidak berchadang untuk menaikkan gaji lagi.

Tuan Pengerusi: Bukan itu soal-nya tadi. Bukan itu soal-nya. Lagi sa-kali.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya telah menchadangkan supaya di-lantek Surohanjaya itu masukkan di-dalam masaalah gaji doktor ini sama, sebab sa-panjang yang saya faham doktor ini meninggalkan jawatan-nya dan membuka klinik sendiri, ia-lah dengan sebab masaalah kewangan gaji kurang, lama berkhidmat, lama belajar, sedang

bila berkhidmat dapat gaji kechil. Jadi kalau dia buka klinik sendiri saperti Yang Berhormat daripada Batu sana dia mendapat empat ka-lima ribu sabulan. Apa mustahak-nya dia bekerja dengan Kerajaan dengan mendapat saribu lebih sedikit. Ini yang saya mustahak bertanya, Tuan Pengerusi, ada-kah Kerajaan kita menimbangkan sama gaji² doktor.

Tuan Pengerusi: Ini tidak ada kenamena.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, terpulang-lah kepada Ahli Jawatan-kuasa yang saya sebutkan tadi berkenaan dengan itu. Ahli Yang Berhormat daripada Lipis juga berchakap berkenaan dengan patut di-adakan satu Rumah Sakit di-Jerantut. Saya fikir saya telah pun terangkan berkenaan dengan dasar Kementerian saya berkenaan dengan pembenaan Rumah² Sakit baharu.

Penjual² ubat ada berluasan, ia-itu di-dapati banyak di-tepi² jalan dan di-Pekan² Sari. Kementerian saya tidak boleh berbuat apa² kalau sa-kira-nya mereka itu menjual ubat² untuk badan sihat atau sa-bagai ubat² tonik, tetapi, kalau mereka itu di-dapati menjual ubat² yang berachun ia-itu dalam schedule poison, Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah.

Tabong Darah telah saya terangkan, dan Ahli Yang Berhormat mengshorkan supaya darah orang² yang bukan Islam boleh di-beri kepada orang² Islam dan sa-balek-nya, ini tidak payah dan saya sunggoh berbesar hati kerana banyak daripada penderma² darah terdiri daripada orang² Islam ia-itu orang² Melayu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah berchakap berkenaan dengan talipon terlalu dekat dengan Wad Kelas satu dan Kelas dua. Ini Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian. Katil² burok dan tempat² out-patient, ia-itu tempat orang sakit luar di-Rumah Sakit Kuala Lipis, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Ahli Yang Berhormat daripada Besut berchakap berkenaan dengan Rumah Sakit Kampong Raja kata-nya terlalu

kecil dan meminta satu lagi rumah sakit di-bena berdekatan di-Besut, di-Jerteh. Kementerian Kesihatan tidak berchadang hendak membena sa-buah Rumah Sakit lagi kerana Kampong Raja dan Besut ini hanya 10 batu sahaja. Dan berkenaan dengan Penyakit Tibi, perkara ini akan di-timbangkan apabila tindakan² memperbaiki rumah sakit itu di-jalankan. Berkenaan dengan Kesihatan, penyakit ini telah pun di-jalankan di-bawah Ranchangan Mengawal Tibi. Jenerator rosak di-rumah sakit itu akan di-perbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara berchakap berkenaan dengan kesusahan membawa mayat daripada Pulau Pinang ka-Seberang dan daripada Seberang ka-Pulau Pinang. Ini juga pehak Kementerian akan mengkaji undang² atau pun ordinance yang telah di-buat. Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan pembedahan mayat. Suka-lah saya memberi tahu kepada Yang Berhormat dan Ahli² Yang Berhormat sakalian, Tuan Pengerusi, ia-itu surat² telah pun di-kelilingkan kepada Pegawai² Perubatan di-semua negeri bahawa post mortem atau pembedahan tidak perlu di-adakan di-atas mayat² kematian yang mana tidak di-shaki ia-itu "suspect of foul play" terutama sa-kali pada mayat² orang Islam, tetapi kalau sa-kira-nya pehak Polis meminta "post mortem" di-adakan maka permintaan ini hendak-lah di-layankan sama ada mayat itu orang Islam atau tidak. Rumah Sakit Butterworth itu akan di-perbaiki, tetapi buat pada masa ini Rumah Sakit Bukit Mertajam itu ada-lah di-dalam ranchangan Kementerian Kesihatan untuk di-jadikan Rumah Sakit Umum memandangkan kapada tempat-nya ia-itu Bukit Mertajam ada-lah di-Seberang Prai Tengah.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong juga meminta supaya di-adakan wad² baru, wad² bersalin dan berchakap berkenaan dengan panduan bersehan kawasan sa-keliling. Sabagaimana yang saya terangkan ia-itu di-tiap² satu negeri ada satu kawasan yang telah di-pilih untuk di-jadikan Pilot Projek atau tempat perhubungan Ranchangan Kebersehan Kawasan

sekeliling. Suka saya bagi tahu ia-itu oleh sebab New Villages atau perkampungan² baru ini termasuk di-luar bandar, maka tempat² ini juga akan dimasukkan dalam ranchangan ini.

Ahli Yang Berhormat itu meminta supaya pagar rumah sakit Bentong itu di-buat, tetapi saya suka memberi tahu kapada Ahli Yang Berhormat, pagar itu akan memakan belanja yang banyak, dan ada-lah saya fikir lebeh lojik lagi menggunakan wang itu untuk pembedaan rumah sakit atau mengadakan tempat² tidor, atau katil² yang lebeh daripada membuat pagar. Jadi, walau bagaimana pun saya berjanji yang perkara ini akan di-ambil tindakan dengan sa-berapa segera yang boleh. Begitu juga rumah sakit Mentakab kerana di-tempat Yang Berhormat itu ada dua buah rumah sakit ia-itu Mentakab dan Bentong.

Berkenaan dengan menchegeh malaria, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan oleh sebab Kerajaan telah melancharkan ranchangan kebangsaan membasmi malaria maka pegawai² menjalankan menchegeh malaria atau anti-malaria work di-tempat-nya tidak begitu memuaskan tetapi saya suka memberi tahu kapada Ahli Yang Berhormat itu ia-itu ranchangan menchegeh malaria ia-itu anti-malaria work di-mana² juga akan terus di-jalankan dan, bagaimana saya terangkan, ranchangan membasmi malaria sedang berjalan di-negara kita ini. Kekurangan doktor kata-nya, banyak doktor² ini melalui backdoor kemudian dapat bertukar ka-Pantai Timor. Kedudukan doktor saperti yang telah saya terangkan memang-lah kekurangan, akan tetapi tidak-lah benar bahawa mereka² yang akan di-tempatkan di-Pantai Timor Malaysia Barat itu menggunakan pintu belakang atau backdoor supaya mereka tidak di-tempatkan di-sana. Jika perkara ini benar maka tentu-lah tidak ada doktor² berkhidmat di-Pantai Timor saperti mana yang ada pada masa ini berkhidmat di-negeri² Pahang, Kelantan, Trengganu.

Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan penerimaan atau recognition ijazah² luar negeri

saperti Taiwan. Undang² pendaftaran pegawai² perubatan telah pun di-luluskan oleh Dewan ini tidak berapa lama dahulu dan juga pehak Kementerian telah pun menyiarkan melalui saluran² Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri dan saya juga telah menyebut beberapa kali perkara ini dalam Dewan ini dan juga di-luar.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara yang akhir sekali juga berchakap berkenaan dengan doktor²; ia-itu satu peratoran bagi tiap² doktor yang telah tamat pelajaran-nya berkhidmat dengan Kerajaan sekurang²-nya 5 tahun, termasuk doktor² yang belajar dengan wang-nya sendiri. Perkaranya ini sedang di-jaga oleh satu Jawatan-kuasa khas yang di-lantek oleh Kabinet saperti yang saya sebutkan tadi yang di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Rumah Sakit Alor Gajah, permintaan ini akan di-beri perhatian apabila orang² sakit chronic ia-itu orang sakit tua dipindahkan di-bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sub-centre di-Masjid Tanah ini akan di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin menjadikan-nya sa-bagai Main Centre.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$149,555,328 untuk Kepala B. 27 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 28 sa-hingga B. 32—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya memohon izin mengemukakan Kepala² Perbelanjaan bilangan B. 28 sa-hingga B. 32 mengenai Jabatan² di-bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ia-itu:

I. Pejabat bagi Kementerian—Kepala B. 28 yang mana ada-lah juga mengandongi bahagian² berikut—

- (a) Bahagian Badan Penchegah Rasuah.
- (b) Bahagian Lembaga Penapis Filem.
- (c) Bahagian Penerbitan.

(d) Bahagian Jawatan-kuasa Gerakan Sempadan.

(e) Bahagian Pasokan Kawalan (yang di-wujudkan di-Sabah).

(f) Bahagian Jawatan-kuasa Kerja Keselamatan bagi Negeri² Sarawak dan Sabah.

II. Jabatan Polis Di-Raja—Kepala B. 29.

III. Jabatan Imigresen—Kepala B. 30.

IV. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan—Kepala B. 31.

V. Jabatan Pendaftaran Negara—Kepala B. 32.

Tuan Pengerusi, jumlah peruntukan yang di-pohon bagi ke-lima² Bekalan Kepala 28-32 ia-lah sa-banyak \$165,834,510 di-bandingkan dengan peruntukan sa-banyak \$158,731,587 bagi tahun yang lepas. Ini bermakna-lah peruntukan bagi tahun ini berlebehan \$7,102,923 ia-itu di-kira kadar peratusan sa-banyak 4.5% sahaja. Kelebehan tersebut boleh-lah di-anggapkan sederhana sahaja memandang kepada kenaikan gaji kakitangan² saramai 36,233 orang dan penyenggaraan perkhidmatan Jabatan² yang berkenaan itu. Walau pun kehendak² Jabatan adalah terlalu banyak-nya tetapi memandang kepada keadaan kepentingan kewangan negara kita pada masa ini dan mematohi kepada dasar "langkah berjimat", maka kehendak² Jabatan² tersebut telah di-kaji dengan teliti-nya dengan tujuan mengurangkan perbelanjaan sa-berapa yang boleh.

Kepala Jabatan	1968	1969	Kelebehan	%
28 K.H.E.D.N.	3,615,370	4,208,466	593,096	16.4
29 Polis	147,218,200	153,400,000	6,181,800	4.2
30 Imigresen	3,767,408	4,013,005	245,597	6.5
31 Pertubuhan	410,971	425,939	14,968	3.6
32 Pend. Negara	3,719,638	3,787,100	67,462	1.8
Jumlah	158,731,587	165,834,510	7,102,923	4.5

Kepala B. 28—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Kepala B. 28 ia-itu Ibu Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Ahli² Yang Berhormat akan mengambil ingatan bahawa jumlah yang di-minta

bagi tahun 1969 ia-lah sa-banyak \$4,208,466 ia-itu berlebehan sa-banyak \$593,096. Tuan Pengerusi, kelebihan ini di-perlukan untuk melengkapkan lagi tugas² pentadbiran Badan Penchegah Rasuah, Jawatan-kuasa Gerakan Sempadan di-Alor Star, dan Jawatan-kuasa Keselamatan Negeri² Sabah dan Sarawak, 'am-nya, serta mendirikan Pejabat Pasokan Kawalan atau Vigilante Corps di-Sabah.

Semenjak Badan Penchegah Rasuah di-susun sa-mula pada 1hb Oktober, 1967, banyak kejayaan terutama sekali di-dalam tahun 1968 untuk membasmi-kan rasuah di-dalam negeri ini telah di-chapai. Selain daripada tugas² menyiasat, menangkap dan menda'awakan pegawai² Kerajaan dan orang² 'awam yang melakukan kesalahan di-bawah Undang² Penchegah Rasuah, Badan tersebut telah juga dapat berhubung rapat dengan Ketua² Jabatan bagi meningkatkan taraf kecekapan kakitangan² Kerajaan dan memperbaiki lagi chara² perhubungan mereka dengan orang ramai.

Daripada pengalaman yang di-chapai oleh Badan Penchegah Rasuah maka timbul-nya beberapa kesulitan² yang patut di-atasi untuk mengikhtiarkan kejayaan Badan itu dalam tindakan² yang di-ambil-nya. Dengan tujuan ini maka Badan tersebut telah mengadakan beberapa jawatan² baru termasuk satu jawatan Penolong Kanan Pengawal Kastam, atau jawatan Penguasa Kastam dan sa-orang Akauntan Berkanun (Chartered Accountant). Selain daripada kakitangan² tambahan, Badan tersebut juga memerlukan tambahan kapada perbelanjaan pentadbiran-nya supaya tugas² Badan itu dapat di-jalankan dengan lebih chekap dan sempurna.

Di-dalam tahun 1968, Badan Penchegah Rasuah telah menerima tidak kurang daripada 4,980 ma'alumat² daripada orang 'awam berbanding dengan hanya 942 ma'alumat² geleran tahun 1967. Selain daripada itu, 992 rayuan atau surat² perasaan tidak puas hati telah juga di-terima dan di-edarkan kapada Ketua² Jabatan yang bertanggung-jawab untuk ma'aluman dan tindakan² yang tertentu.

Berpandu kapada ma'alumat yang di-terima, 216 penangkapan telah di-buat dan di-da'awakan di-Mahkamah di-dalam tahun 1968, berbanding dengan 95 di-dalam tahun 1967.

Di-antara mereka² yang di-tangkap dan di-da'awakan di-Mahkamah 59 orang ia-lah kakitangan² Kerajaan berbanding dengan 19 di-dalam 1967.

Selain daripada itu 112 orang kakitangan² Kerajaan dan Badan² Berkanun telah di-kenakan tindakan tata-tertib. Di-dalam tahun 1968 juga, 27 orang telah di-berhentikan kerja.

Di-dalam tahun 1968, dengan kerjasama Jabatan Kastam, Badan Penchegah Rasuah telah berjaya membuat beberapa rampasan barang² yang di-seludupkan ka-dalam negeri ini tanpa pembayaran chukai. 18 rampasan telah di-buat di-dalam tahun 1968 dan barang² yang di-rampas ada-lah berharga \$1,281,000.

Badan Penchegah Rasuah telah juga berjaya mendapat persetujuan Kerajaan untuk membuat pindaan² kapada beberapa peratoran² untuk menjamin bahawa kakitangan² Kerajaan tidak terlibat di-dalam rasuah atau tindakan² kechurangan.

Sa-bagai suatu lagi langkah menchegah, Pengarah dan Pegawai² Badan Penchegah Rasuah selalu memberi sharahan² dan cheramah² kapada pegawai², kakitangan² Kerajaan, persatuan², badan² perniagaan dan belia². Sambutan daripada orang ramai tentang perkara ini sangat-lah memuaskan.

Dengan ada-nya tambahan pegawai² dan kakitangan² yang telah mula bertugas di-dalam tahun 1968 dan beberapa orang lagi yang di-jangka akan mula berkhidmat pada tahun 1969, Badan Penchegah Rasuah berharap dan berazam akan menjejak langkah² mereka yang di-shakki terlibat di-dalam rasuah atau melakukan kechurangan dengan lebih giat lagi.

Ini tidak berma'ana bahawa kejadian rasuah dan kechurangan di-jangka akan bertambah lagi. Boleh-lah di-katakan bahawa Badan Penchegah Rasuah telah berjaya mengawal kejadian² rasuah daripada merebak dan ada tanda² bahawa kejadian² dan tuduhan²

rasuah dan kechurangan dalam satengah² jabatan Kerajaan telah mula merosot. Segala tenaga usaha Badan Penchegah Rasuah dalam tahun 1969 akan di-tumpukan untuk mengambil tindakan ka-atas ma'alumat² yang di-perolehi dalam tahun 1968. Memandang kapada hasil yang di-perolehi oleh Badan in dan projek² yang di-maksudkan bagi tahun 1969 maka saya berharap Ahli² Yang Berhormat akan sedari betapa mustahak-nya peruntukan tambahan di-adakan bagi Badan ini.

Berkaitan dengan tambahan² yang di-khaskan bagi Jawatan-kuasa Gerakan Sempadan, Tuan Pengerusi, saya tidak payah menerangkan dengan panjang lebar keperluan tersebut. Ahli² Yang Berhormat sendiri telah ma'alum kapada bahaya gerakan² komunis dan pengikut² mereka di-Sempadan Malaysia/Thailand. Anchaman Penjahat² Komunis kapada keselamatan Negara kita di-wilayah Sempadan itu ada-lah besar. Langkah² keselamatan yang sewajar-nya perlu di-ambil memandang kapada chita² Parti Komunis Malaya, yang sekarang ini giat di-Sempadan Malaysia/Thailand, hendak kembali ka-Malaysia Barat untuk memulakan sa-kali lagi gerakan² guerilla-nya. Sabagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Kerajaan Malaysia telah perolehi kerjasama Kerajaan Thailand dalam perkara menentang anchaman Komunis dan kerjasama itu berjalan dengan baik bagi faedah bersama. Jawatan-kuasa Wilayah Sempadan yang di-anggota² oleh Malaysia dan Thailand telah dengan jaya-nya merancang dan menyatukan gerakan² bersama dan melancarkan beberapa projek² menentang anchaman Penjahat Komunis. Hubungan ini akan di-perkukuhkan lagi hingga anchaman Komunis di-patahkan. Perlu di-sini bahawa kejayaan bagi pehak Kerajaan melawan Penjahat² Komunis tidak samesti-nya di-nilaiakan dari segi bilangan musuh yang dapat di-bunuh atau di-tewaskan. Oleh kerana beberapa faktor² yang tertentu sukatan yang lebih sesuai ada-lah dari segi usaha² pehak yang berkuasa menghad atau mengelakkan pengaruh Penjahat Komunis di-luaskan. Dengan tujuan menghadkan kegiatan Penjahat Komunis di-

kawasan² yang ada sekarang Pasokan Keselamatan kita telah mengambil peranan yang lebih berkesan lagi. Oleh itu sangat-lah penting keselamatan pegawai² kita di-sempadan itu di-ikhtiarkan. Dengan tujuan itu peruntukan tambahan bagi Pechahan-kepala 29 ada-lah di-kehendaki (untuk menebang belukar² di-kiri kanan jalan raya) supaya pasokan² keselamatan kita tidak menjadi mangsa serangan hendap Penjahat Komunis.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara keselamatan pula di-Malaysia Timor, Kementerian saya telah mengadakan Jawatan-kuasa Kerja Keselamatan di-Negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan bagi kedua² Jawatan-kuasa tersebut telah di-kurangkan memandang kapada ketenteraman yang di-harapkan sa-telah tamat konfrantasi Indonesia. Tetapi memandang kapada kegiatan propaganda Komunis² di-Sarawak maka Kementerian ini mestilah sentiasa waspada kapada keadaan di-sana dan bersedia menchegah sabarang tindakan hendak menimbulkan huru-hara di-negeri itu.

Di-Negeri Sabah, bagaimana Ahli² Yang Berhormat terma'alum satu masalah baharu telah timbul dari peristiwa Corrigedor dan keburokan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Philipina. Kerajaan Negeri Sabah telah menegaskan bahawa Negeri itu akan sa-hidup sa-mati dengan Negara Malaysia, dan kita telah berkali² menyatakan dalam Dewan ini dan di-luar Dewan ini bahawa kita akan berdiri tegoh di-belakang Negeri Sabah. Sa-bagai salah satu tindakan bagi menjaga keselamatan Negeri Sabah, Kerajaan telah mengenakan Undang² Pendaftaran Penghuni dan Penubohan Pasokan Kawalan di-Negeri Sabah. Dengan pelaksanaan Pendaftaran Penghuni adalah di-harapkan bahawa penyusop² dan ejen² asing dapat di-kesan. Berkenaan dengan Pasokan Kawalan pula ahli² Pasokan itu yang bertugas di-kampong² yang di-tepi pantai terutama sa-kali di-tempat² yang "sensitiv" adalah menjadi "mata-telinga" kapada Pasokan Keselamatan di-Sabah. Pendek kata, kedua² Pasokan Kawalan dan Pendaftaran Penghuni ada-lah memberi bantuan kapada Pasokan

Keselamatan kita dalam menjaga keselamatan Negeri Sabah. Pejabat Pasokan Kawalan tersebut telah diperuntukkan sa-banyak \$74,786 sa-lain daripada perbelanjaan mengenai Pendaftaran Penghuni yang mana di-khaskan sa-banyak \$20,000 di-Pechahan-kepala 53.

Tuan Pengerusi, di-sini saya suka mema'alumkan ia-itu sedikit sa-banyak tambahan yang di-minta bagi Ibu Pejabat Kementerian termasuk Bahagian Penerbitan serta Lembaga Penapis Filem, ia-lah bagi kelebihan biasa (normal increases) sahaja. Ahli² Yang Berhormat akan suka mendapat tahu di-sini ia-itu tugas kedua² bahagian ini ia-lah memeriksa penerbitan² dan filem² yang di-keluarkan di-dalam Negeri atau pun di-masokkan ka-dalam Negeri dengan tujuan menchegehah bahan² yang akan merosakkan ketenteraman 'awam, akhlak dan keselamatan negara atau pun yang di-anggapkan perasangka. Bagi tempoh Januari-September 1968 sa-banyak 9,651,014 penerbitan Bahasa China telah di-pereksa dan 68,368-nya di-tahan; pada tempoh yang sama 15,734,154 penerbitan buku² yang bukan China di-pereksa dan 12,111 di-tahan. Sa-lain daripada itu sa-banyak 417 lesen perchetakan telah di-keluarkan sa-hingga November 1968. Lembaga Penapis Filem pula telah memeriksa lebeh kurang 170 filem² tiap² bulan. Dalam tempoh Januari-September sa-banyak 89 filem antara-nya telah di-luluskan untuk tayangan sa-telah di-tapis sa-bahagian dan 22 filem telah di-haramkan. Saya suka juga melaporkan ia-itu hasil yang di-terima kerana tapisan filem² tersebut ia-lah lebeh kurang \$22,000 sa-bulan ia-itu lebeh daripada $\frac{1}{4}$ juta ringgit sa-tahun.

Kepala B. 29—Polis Di-Raja Malaysia

Tuan Pengerusi, memandang kepada Kepala Bekalan 29 ia-itu Anggaran bagi Polis Di-Raja Malaysia, Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa peruntokan sa-banyak \$153,400,000 di-pohon bagi tahun 1969. Ini ada-lah berlebihan \$6,181,800 atau 4.2% berlebihan di-bandingkan dengan peruntokan pada tahun lepas. Kelebihan

tersebut dapat-lah di-pecahkan seperti berikut:

Gaji Kaki-tangan ...	\$4,105,707
Perbelanjaan Berulang	
Tiap ² Tahun	1,887,226
Perbelanjaan Khas ...	188,867
Jumlah ...	<u>\$6,181,800</u>

Kelebehan sa-banyak 4.2% itu tidak-lah begitu banyak-nya memandang kepada beranika tugas² Polis Di-Raja di-seluruh Negeri Malaysia seperti:

- (a) menyelenggarakan kuat-kuasa undang² dan mengekalkan ketenteraman 'awam;
- (b) menjaga keamanan;
- (c) menjaga dan menchegehah kejadian jenayah;
- (d) menangkap dan menda'awa orang² salah;
- (e) memungut risekan² keselamatan.

Kebanyakan tambahan yang di-kehendaki ia-lah bagi gaji anggota² Polis Di-Raja. Ini ada-lah di-sebabkan peruntokan kenaikan gaji sa-ramai hampir 34,000 orang dan juga gaji untuk 389 orang kakitangan tambahan bagi tahun 1969. Mengikut kepentingan, Pasokan Polis Laut-lah yang banyak sa-kali di-beri penambahan kakitangan ia-itu sa-ramai 135 orang yang meliputi 5 Insp., 4 Sub-Insp., 12 Sgt. Major, 10 Sgt., 24 Cpl., dan 80 P.C., sa-lain daripada 2 Insp., 10 Sgt. Major dan 10 Sgt., yang ditambah bagi Chawangan Laut Sabah. Ahli² Yang Berhormat tentu sedar bahawa Negara kita bukan sahaja bersempadan darat dengan Negeri Thai dan Indonesia bahkan juga mempunyai satu garis pantai yang panjang-nya 3,000 batu. Meronda pantai sa-panjang ini ada-lah satu masaalah yang besar untuk mengawal perompak² lanun, penyeludupan, kemasokan secharam dan nelayan pukat tunda haram. Dengan ada-nya tuntutan Negeri Philipina ka-atas Sabah maka sudah tentu-lah kawalan yang rapi sa-mistinya di-adakan di-sempadan Sabah/Philipina. Tambahan kakitangan yang di-chadangkan itu ia-lah untuk mengu-atkan lagi Pasokan Polis Laut memandang kepada keperluan keselamatan

negara kita, dan juga untuk melengkapkan perjawatan lanchi² baru yang di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan berpuncha kepada tanggungjawab tambahan Pasokan Polis Laut itu.

Chawangan Khas Polis di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor juga di-beri tambahan kakitangan sa-banyak 22 A.S.P., 19 Insp., 3 Sgt., 8 Cpl. dan 20 P.C., bertujuan mencheapkan lagi peranan chawangan tersebut di-sekitar tanah ayer. Perkara ini telah menjadi satu keutamaan kerana dalam satu negara yang maseh dalam pembangunan, kita sa-misti-nya mengambil langkah yang tegas untuk menjamin keselamatan penduduk²-nya dan keamanan antara berbagai² bangsa, serta juga mengujudkan keadaan ekonomi yang sentosa supaya kita dapat menarek negeri² asing menanam modal di-negeri ini. Selain daripada itu kita misti sentiasa waspada terhadap anasir² burok yang hendak mengerohkan perhubungan antara kaum yang mana menjadi satu matlamat Front Bersatu Komunis. Sebagaimana saya telah menerangkan dahulu, kegiatan² gerakan² komunis di-sempadan Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia Kalimantan memberi satu gambaran yang menunjukkan bahaya anchaman komunis² kepada negara kita. Oleh itu gerak-geri mereka misti di-kawal dengan penoh-nya sa-tiap masa. Dengan tujuan tersebut dan dengan sampai masa-nya kelak apabila Tentera Inggeris akan di-tarek keluar dari Asia Tenggara dan lain² faktor seperti dasar Negeri China Komunis terhadap negara² kechil, tuntutan Negeri Philipina ka-atas Sabah, hasil peperangan Vietnam, Kumpulan Pelampau di-dalam negeri yang dahagakan kuasa dan keadaan politik di-Asia Tenggara pada masa hadapan 'am-nya, kita misti membuat persediaan yang lengkap untuk memperolehi perisikan² yang penoh dari sa-masa ka-samasa supaya dapat-lah kita mengelakkan apa² kejadian burok ka-atas negara kita nanti.

Di-sini saya suka juga menyebut salah sedikit berkenaan dengan perkara jenayah yang ada-lah satu masalah terutama kepada masharakat. Dari segi perangkaan hanya sedikit sahaja ber-

tambah-nya kejadian² rompakan ber-senjata, tetapi kejadian² tersebut mendapat perhatian umum yang luas kerana kehebatan chara² yang digunakan oleh perompak² tersebut. Dalam banyak kejadian, orang² yang melakukan-nya telah di-kenali dan penangkapan telah pun di-buat. Mereka terdiri daripada gulongan yang berumur antara 18 dan 25 tahun, dan kebanyakan-nya membuat pakatan² merompak untuk keuntongan diri sendiri. Ada-lah jelas yang penggunaan senjata api oleh perompak² itu bertambah dalam tahun 1968. Pihak Polis juga terpaksa menggunakan kekerasan yang sa-timpal untuk mengelakkan kejadian² jenayah.

Untuk memperhebatkan lagi tindakan² terhadap jenayah maka Bahagian Siasatan Jenayah (C.I.D.) pula telah di-perlengkapkan dengan 6 ekor anjing yang boleh memberi pertolongan dalam kerja² mengesan dan juga rondaan. Anjing² itu telah membuktikan jasa-nya dan ada-lah di-chadangkan untuk menambah bilangan-nya pada masa hadapan.

Lagi satu sekshen yang di-beri keutamaan ia-lah Daerah Polis Petaling Jaya. Ini ada-lah perlu di-sebabkan pembangunan besar yang di-jalankan di-Petaling Jaya. Pada tahun lalu saya telah cheritakan dari hal "Sistem Salleh" yang telah di-lancharkan sebagai chubaaan atau pun experiment. Dalam perhubungan itu telah di-dapati beberapa kejayaan seperti berkurangnya penchurian² di-Petaling Jaya. Bagi meneruskan ranchangan ini maka kakitangan tambahan patut di-adakan supaya kerja² meronda dapat diperluaskan dan kawalan siang malam di-kekalkan.

Ahli² Yang Berhormat juga akan sukachita mengetahui bahawa satu ranchangan untuk membekalkan satu alat perhubungan bebas (independent teleprinter link) antara Ibu Pejabat Ketua Polis Negara dan Ibu Pejabat² Polis di-Kuching dan Kota Kinabalu telah di-sempurnakan. Sa-belum perhubungan tersebut di-adakan pihak Polis bergantung kepada alat² yang di-sewa yang mana di-anggap tidak sesuai dari segi keselamatan rahsia.

Di-bawah ranchangan tahun 1969 Polis Di-Raja akan mengadakan alat perhubungan taliprinter antara 26 Ibu Pejabat Daerah Polis yang terpilih dengan Ibu² Pejabat Kontinjen.

Sa-hingga ini, perhubungan antara Ibu Pejabat Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah ia-lah menurut V.H.F. yang tidak berapa sesuai dan juga kelewatan² telah di-alami pada masa² kechemasan. Supaya membolehkan arahan² di-keluarkan dengan segera maka mustahak-lah bagi pehak Polis mengadakan satu Taliprinter "Network" yang lebeh cekap.

Bagi memperbaiki lagi kecekapan sa-suatu Bahagian Polis maka pegawai² Polis di-hantar ka-seberang laut (umpama-nya ka-Amerika Sharikat, Peranchis, Australia, Negeri Jepun dan sa-bagai-nya) bagi mendapatkan latehan² khas dan juga di-lateh di-Pusat² Latehan tempatan (ia-itu Polis Depot, Maktab Polis Kuala Kubu Bharu, Sekolah P.F.F. dan F.R.U. yang ada di-Kuala Lumpur). Pada tahun 1968 sa-ramai 4,488 pegawai telah di-lateh di-dalam Pusat² Latehan di-Malaysia dan ada-lah di-anggapkan bahawa sa-ramai sama juga pegawai² yang akan menghadziri latehan tempatan pada tahun 1969. Dengan terbit-nya ber-bagai² masaalah yang baru terbit dari masharakat yang menempoh pembangunan maka latehan² di-Pusat² juga di-semak dari satu masa ka-samasa.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Belanja Berulang Tiap² Tahun pula hanya melebehi sa-banyak \$1,887,226 berpuncha pada tambahan kakitangan yang di-sebutkan tadi dan juga kelengkapan tambahan saperti:

- (1) Pechahan-kepala 5 (Perkhidmatan Rumah Tangga) kerana pembayaran api dan ayer bagi Balai Polis dan Rumah/Berek baru yang di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan.
- (2) Pechahan-kepala 14 (Penggantian Besar) kerana menggantikan basikal² dan kereta² Motor yang dalam keadaan burok dan tidak berekonomi lagi.

Perkara ini telah di-tanggohkan semenjak beberapa tahun yang lalu dan

tidak dapat di-nafikan lagi dari segi bahaya yang boleh terjadi jika kereta² burok itu tidak di-gantikan. Dari peruntokan sa-banyak \$1,887,226 yang saya sebutkan, \$1,245,880 ia-lah bagi Pechahan-kepala 14.

Pechahan-kepala² yang lain di-beri tambahan ia-lah Pechahan-kepala 18 (ia-itu Chatuan dan Elaun Chatuan) dan Pechahan-kepala 25 (Pengangkutan dan Perjalanan). Peruntokan² berlebehan ini ada-lah mustahak kerana tambahan pasokan² keselamatan yang hendak di-tugaskan di-sempadan Thai dan sempadan Sarawak/Indonesia Kalimantan. Dengan "operation²" hebat yang di-jalankan terhadap gerakan² komunis pada tahun ini maka peruntokan tambahan bagi membayarkan elaun² dan membekalkan chatuan², ada-lah di-kehendaki. Tambahan pula persediaan² yang istimewa perlu di-adakan kerana pilehan raya seluroh negara pada tahun ini. Oleh kerana kesibokan anggota² Polis dari sebab² yang saya nyatakan tadi maka perkhidmatan Polis Sukarela Simpanan akan di-tambah juga. Dengan itu pula perjalanan² anggota² Polis pun akan bertambah dan ini sebab-nya tambahan sa-banyak \$450,000 di-minta bagi Pechahan-kepala 25 (Pengangkutan dan Perjalanan).

Tuan Pengerusi, bagi Perbelanjaan Khas ia-itu Pechahan-kepala 45-74 sa-banyak yang di-kehendaki ia-lah \$946,939 ia-itu berlebehan \$188,867 sahaja dari peruntokan 1968. Kebanyakan perbelanjaan yang di-masokkan dalam gulungan ini ia-lah pembelian² khas yang kebanyakan-nya bagi keperluan "operation²" keselamatan—saperti Kerja² dan Kelengkapan² Dzarurat, Kelengkapan radio Bekalan² Khas untok gerakan, Generator², Mesin² Saifer, Sampan Serangan (assault Craft) dan sa-bagai-nya. Ini semua-nya ada-lah juga keperluan² bagi urusan pentadbiran dan projek² Polis Di-Raja bagi tahun 1969 supaya membolehkan Polis di-Raja Malaysia menumpukan perkhidmatan yang kemas, lichen dan sempurna.

Kepala B. 30—Imigresen—

Tuan Pengerusi, saya suka mengatakan salah sedikit berkenaan anggaran

di-bawah Kepala Bekalan 30—maksudnya Jabatan Imigresen yang mana di-kehendaki sa-banyak \$4,013,005 bagi tahun ini. Ini berma'ana-lah berlebehan \$245,597 atau hampir $\frac{1}{4}$ juta ringgit tambahan di-perlukan.

Kelebehan tersebut ada-lah dalam bahagian Gaji sa-banyak \$170,329, Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun sa-banyak \$67,083 dan Perbelanjaan Khas sa-banyak \$8,185—Berlebehan dalam Gaji itu di-sebabkan kerana di-ujudkan 18 jawatan baru di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor. Antara-nya 5 jawatan baru di-adakan di-Malaysia Timor kerana tambahan tanggungjawab Pejabat² Imigresen di-situ dengan mengadakan pelawat² asing yang makin hari makin bertambah. Dengan di-adakan Persetujuan Sempadan antara Malaysia/Indonesia maka pusat² Imigresen di-Sabah perlu di-luaskan lagi, terutama-nya kerana perasaan kurang baik yang telah berpuncha dari tuntutan Philipina ka-atas Sabah. Dengan tujuan ini satu jawatan Penolong Pengawal Imigresen telah di-ujudkan bagi Tawau dan 2 jawatan Pegawai Imigresen di-adakan untuk Lahad Datu dan Semporna. Di-bahagian Malaysia Barat pula beberapa jawatan² baru di-ujudkan untuk melichinkan pepereksaan/keluaran dokumen² di-pelabohan baru di-Butterworth, mengambil alih tugas imigresen daripada Jabatan Kastam di-Kuala Trengganu yang mana telah menolong menjalankan-nya sa-hingga hari ini, mengatasi masa'elah pengeluaran paspost atau permit² di-Pejabat Pulau Pinang serta juga di-Malayanisation Secretariat di-Ibu Pejabat.

Tuan Pengerusi, tambahan beberapa kakitangan di-chawangan Malayanisation Secretariat itu di-perlukan untuk memereksa dengan segera-nya permohonan expatriat² yang hendak bertugas di-kilang² kita atau Sharikat² asing di-dalam negeri ini, supaya Jawatan-kuasa Malayanisation dapat menentukan dari sa-masa ka-samasa kemajuan di-dalam perkara Rancangan Malayanisation itu. Jawatan-kuasa tersebut, semenjak memulakan latehan Malayanisation pada tahun 1965 telah menimbalan dan mengambil keputusan atas

571 sharikat² perusahaan dan perdagangan yang mempunyai 10,943 pegawai² kerja (atau executives) asing di-segala lapangan. Menurut rancangan Malayanisation itu, saya suka mema'alomkan, Tuan Pengerusi, bahawa 60% jawatan Pegawai² executive itu akan di-Malayanisekan pada akhir tahun 1970. Ini berma'ana-lah bahawa tempat pegawai² asing itu akan di-isikan oleh warganegara Malaysia. Menurut anggapan Jawatan-kuasa itu daripada 25%-60% jawatan² profesional teknikal dan 50%-75% jawatan yang bukan teknikal atau professional akan di-Malayanisekan dalam tempoh antara 1966 hingga 1970. Apabila rancangan itu di-sempurnakan pada tahun 1975 semua jawatan² di-sekitar non-teknikal akan di-Malayanisekan 100%, dan jawatan² teknik dan profesional itu akan di-Malayanisekan 100% pada 1985 melainkan jawatan² yang terpenting sahaja yang akan di-isi oleh expat² selepas itu. Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu langkah yang mustahak bagi menentukan supaya warganegara kita sendiri di-beri peluang mendapat pekerja² di-sekitar perusahaan dan perniagaan pada masa hadapan. Dengan bertujuan supaya program atau rancangan ini dapat di-sempurnakan dengan jaya-nya sambil taraf kecekapan tidak tergendala, maka sharikat² perusahaan dan perdagangan telah di-minta menghadihkan biasiswa² kepada anak² Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Kolej² atau di-Universiti². Dalam hal ini ada-lah di-anggapkan bahawa 464 hadiah biasiswa Universiti akan di-keluarkan oleh gulongan perusahaan dan perdagangan dalam masa hadapan sa-hingga tahun 1975.

Ahli² Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa kelebehan di-bawah Bahagian Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun tidak-lah begitu banyak. Yang kelebehan sa-banyak \$67,083 itu ada-lah kerana memperuntukan wang bagi:

- bayaran letrik, ayer dan penyenggaraan 'am untuk pejabat² baru umpama-nya Complex Immigration di-Johor Baharu, Pusat Pengawalan Sempadan di-Malaysia

Timor, Pejabat² baru di-Kuala Trengganu, Limbang (Sarawak), Beaufort dan Tenom di-Sabah.

- bayaran sewa bagi bangunan yang di-sewa untuk membuka Pusat² Pengawalan Sempadan di-Malaysia Timor.
- bayaran pengangkutan dan perjalanan dan pakaian saragam untuk pegawai² tambahan.
- bayaran gaji kepada beberapa orang tambahan buroh kasar dan perusahaan dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan Perbelanjaan khas pula Ahli² Yang Berhormat akan mengambil perhatian bahawa hanya berlebehan \$8,185 sahaja di-pinta. Sa-jumlah \$175,435 yang di-minta itu ia-lah bagi perkara seperti pada tahun lepas melainkan sa-buah kereta motor baru untuk Malaysia Barat dan sa-buah peti besi bagi Sarawak. Peruntukan yang terbesar di-Bahagian ini ia-lah peruntukan sa-banyak \$155,000 untuk menchetak Paspot. Peruntukan ini ia-lah bagi menchetak Paspot Malaysia Paspot Terhad, Sijil Pengenalan dan Pas² Sempadan. Di-sini saya suka menerangkan, Tuan Pengerusi, ia-itu walau pun Pas² Sempadan untuk di-gunakan di-Malaysia Timor kerana Persetujuan Sempadan dengan Indonesia, ada-lah satu perkara yang baru tetapi peruntukan-nya telah di-keluarkan dari vote Pechahan-kepala 22 juga dengan tidak meminta tambahan. Ini dapat di-bolehkan kerana paspot² Malaysia yang lama itu telah di-tukar bentok chorak baru yang bukan sahaja murah di-chetak, tetapi lebih kemas dan sesuai kerana butir² di-dalam-nya tidak boleh di-tiru. Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu tanda yang menunjukkan bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil berat terhadap ekonomi saya sentiasa mengambil berat terhadap ekonomi dan mengurangkan perbelanjaan sa-takat mana yang boleh.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini di-tempohkan sa-lama lima belas minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.45 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala B. 31—Pendaftaran Pertubohan—

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala Bekalan 31 ia-itu Jabatan Pendaftaran Pertubohan, Ahli² Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa peruntukan bagi tahun 1969 ia-lah \$425,939 di-bandingkan dengan sa-banyak \$410,971 untuk tahun yang lepas. Kelebehan-nya ia-lah hanya \$14,968 atau pun dalam kadar peratusan ia-lah 3.6% sahaja. Kelebehan tersebut ia-lah bagi Gaji dan bagi Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun sahaja. Walau pun sa-banyak \$2,540 di-khaskan bagi Perbelanjaan Khas tetapi peruntukan ini ada berkurangan \$670 daripada peruntukan tahun yang lepas. Yang demikian peruntukan berlebehan bagi Jabatan Pendaftaran Pertubohan boleh-lah di-katakan memperuntukkan tambahan² kenaikan gaji tahunan pegawai² sahaja oleh sebab bilangan pegawai-nya ada-lah sama juga dengan bilangan yang berada pada tahun 1968. Di-bawah bahagian Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun berlebehan sa-banyak \$4,590 yang di-minta itu ia-lah bagi Pechahan-kepala 2—Pentadbiran untuk menampung sewa tempat pejabat di-Sabah. Mengenai Perbelanjaan Khas pula peruntukan sa-banyak \$2,540 itu ia-lah bagi melengkapkan perabot² pejabat di-Malaysia Timor dan Malaysia Barat.

Kepala B. 32—Pendaftaran Negara

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya pergi ka-Kepala Bekalan 32 ia-itu Jabatan Pendaftaran Negara yang meliputi juga Pendaftaran Warganegara serta Pendaftaran Beranak, Mati, Perkahwinan dan Anak-Angkat. Ahli² Yang Berhormat akan mengambil perhatian bahawa peruntukan tahun 1969 sa-jumlah \$3,787,100 ia-lah berlebehan \$67,462 ya'ani 1.8% sahaja daripada peruntukan 1968 yang \$3,719,638 itu. Kelebehan ini ia-lah bagi 2 perkara

sahaja ia-itu bagi Gaji kakitangan sa-banyak \$124,686 dan bagi Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun sa-banyak \$14,643. Berkenaan dengan Perbelanjaan Khas, Ahli² Dewan ini akan mengambil perhatian bahawa jumlah yang di-minta bagi tahun 1969 ia-lah berkurangan sa-banyak \$71,867.

Tuan Pengerusi, tambahan \$124,686 bagi Gaji itu ia-lah kerana tambahan kakitangan seperti berikut:

Butiran (13)	..	1	Penclong Pegawai Pendaftar
.. (14)	..	2	Penolong Pegawai Pendaftar Sementara
.. (17)	..	1	Kerani Perkhidmatan 'Am
.. (23)	..	1	Kerani Negeri Pahang
.. (28) (ii)	..	19	Kerani Sementara—Chawangan Pendaftaran Kad Pengenalan
.. (77) (i)	..	1	Kerani Sementara—Chawangan Pendaftaran Warga Negara
.. (77) (ii)	..	12	Kerani Sementara—Chawangan Pendaftaran Warga Negara

37 jawatan tambahan

Jawatan² baru yang tersebut itu ada-lah perlu memandang kepada berbagai² tugas dan tanggung-jawab berat yang di-beban oleh Jabatan ini. Kementerian ini sedar bahawa beberapa gulongan ra'ayat telah menyuarakan perasaan tentang kelewatan di-Jabatan Pendaftaran untuk mengeluarkan dokumen² dan Kad² Pengenalan. Tuan Pengerusi, walau pun aduan² seperti ini tidak boleh di-nafikan langsung tetapi saya suka memperchayakan Ahli² Dewan ini bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian terhadap kemuskilan² ra'ayat dan telah pun ambil langkah² yang tegas supaya menjauhkan kemuskilan²-nya itu. Tetapi saya suka juga menegaskan di-sini bahawa kebanyakan aduan² yang di-hebahkan dalam surat² khabar tidak-lah berasas. Sa-balek-nya Jabatan Pendaftaran juga telah di-hadapi kebanyakan kesulitan umpama-nya 'alamat² yang di-beri oleh pemohon² tidak begitu lengkap, pemohon² bertukar 'alamat dengan tidak memberi tahu Jabatan Pendaftaran, pemohon² tidak hadir temu-duga² apabila di-panggil oleh Lembaga Bahasa (atau Language Board), pemohon² yang tidak memberi keterangan² yang chukup dan lengkap dalam permintaan² mereka, dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah satu gambaran yang menunjukkan kesulitan² Jabatan sendiri. Di-sini saya suka juga menerangkan kepada Ahli²

Yang Berhormat berkenaan sa-luas tugas-nya Jabatan Pendaftaran. Anggaran penduduk² di-Malaysia Barat pada akhir bulan Jun 1965 ia-lah sa-ramai 8,035,530 orang dan mengikut laporan banchi yang terakhir lebeh kurang 12% daripada penduduk² itu ia-lah kanak² antara 12-18 tahun. Di-bawah Undang² Pendaftaran, orang² yang di-keluarkan kad pengenalan pada umur 12 hendak-lah menukar pula kad²-nya apabila genap umur 18 tahun. Ini berma'ana-lah lebeh daripada 1,000,000 kad pengenalan hendak di-ganti dengan kad² baru dalam tahun 1968-1969. Pada tahun 1968 sa-banyak 135,551 kad² ganti di-keluarkan di-samping sa-banyak 232,309 kad² pengenalan baru. Selain daripada itu 61,776 kad² untok di-balut elastik (lamination) telah di-terima daripada Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1969 ada-lah di-anggarkan bahawa sa-banyak 700,000 kad² baru termasuk kad² ganti atau pun kad² menukar 'alamat akan di-keluarkan. Ini ada-lah satu chontoh menunjukkan berapa besar-nya tugas Jabatan tersebut.

Di-bahagian Pendaftaran Warga-negara pula 48,284 Sijil² Warganegara telah di-keluarkan pada tahun 1968 dan pada tahun 1969 ada-lah di-anggap sa-banyak itu juga akan di-keluarkan. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, satu projek baru telah di-lancarkan ia-itu menyediakan Daftar Kad² Fahrasat bagi semua orang² yang telah menjadi warganegara atau pun yang di-luchutkan kewarganegaraan mereka di-bawah fasal² tertentu. Projek ini memerlukan rekod² lebeh kurang 3,000,000 orang dan di-jangka memerlukan 118 orang jika hendak di-sediakan dalam masa sa-tahun. Oleh kerana keutamaan hendak di-beri bagi permohonan² dari ra'ayat maka projek tersebut hanya dapat di-sempurnakan dalam beberapa tahun yang akan datang. Lagi satu bebanan kerja yang berat ia-lah keluaran Surat² Beranak dan Mati. Oleh kerana penduduk² Malaysia sa-makin hari sa-makin bertambah ia-itu bertambah tiap² tahun sa-banyak 3% Surat² Beranak dan Mati yang di-keluarkan itu di-tambah juga. Ada-lah di-jangka bahawa sa-banyak 400,000 Surat² Beranak dan Mati akan di-keluarkan pada tahun

1969 melainkan jika Ranchangan² Keluarga (atau Family Planning) di-seluruh Malaysia menchapai tujuan yang berkesan. Memandang kapada keterangan² yang di-nyatakan oleh saya, Ahli² Yang Berhormat akan bersetuju bahawa tambahan kakitangan yang di-minta itu ada-lah wajib dan kena kapada tempatnya.

Tuan Pengerusi, akhir-nya saya suka menceritakan sedikit sahaja berkaitan dengan berlebihan sa-banyak \$14,643 bagi butiran² di-bawah Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun. Kelebehan² yang di-minta itu ia-lah bagi :

- (i) Pechahan-kepala 5—Penchetakan dan Alatulis—untuk menchetak kad tambahan kerana menggantikan kad² kanak² yang berusia 18 tahun dan juga kad² bagi Daftar Fahasat.
- (ii) Pechahan-kepala 9—Pengangkutan dan Perjalanan untuk membiayai tuntutan perjalanan dan elaun pegawai² yang di-minta membuat lawatan² tergepar dari segi keselamatan dan juga menambah kakitangan chara sementara di-sasutu Pejabat² dengan tujuan menegah kelewatan.
- (iii) Pechahan-kepala 10—Sewa Pejabat ia-lah untuk menampung sewa yang di-kenakan ka-Pejabat Pendaftaran di-Kuantan.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan seperti di-beri tadi saya berharap penoh ia-itu Ahli² Yang Berhormat lebeh faham masalaah² yang di-hadapkan oleh Jabatan Pendaftaran yang patut di-beri simpati dan tidak 'adil di-tumpukan aduan² yang tidak begitu penting ka-atas-nya.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja-lah Keterangan² saya di-atas Anggaran Peruntukan bagi Kementerian saya serta Jabatan² di-bawah-nya.

Tuan Pengerusi, demikian-lah saya mengusulkan.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di-dalam perbahathan di-bawah Kepala B. 28 ia-itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana Peruntukan sa-ba-

nyak \$4,208,466 telah di-khaskan bagi tahun 1969. Kementerian ini ia-lah Kementerian yang bertanggung-jawab berkenaan dengan keamanan di-dalam negeri. Kementerian ini juga bertanggung-jawab berkenaan dengan ada-nya demokrasi di-dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, oleh sebab² yang tidak dapat di-elakkan saya memohon izin untuk beruchap di-dalam Bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, one of the things that the Government has been criticised for has always been the fact that newspapers have to have a permit in order to publish. Those who criticise the Government for this condition make it appear as if the existence of laws controlling publication is a denial of the universal right of free expression and a free press in a democratic country. Mr Chairman, Sir, this is a false presumption. It is possible no doubt for the Government to use the law to curb a free press, but the power to curb the press has never been misused by this Government. It has never, for example, been used, as it can be used, to limit fair criticisms of the Government or the party in power. If there have been few criticisms in the press of the Government, it is perhaps because there are a few things that the Government has done that have been grossly wrong. It may also be because editors are labouring under the misconception that they must face the Government at all times and for all things. Whenever the Government invokes the powers to control publication, it has always been due to public interest. Writings calculated to incite communal feelings or undermine the peace and security of this nation are what usually makes the Government resort to withdrawal of licences. The number of times when this has happened is very few indeed. But, Mr Chairman, Sir, licensing is but one factor that may limit the freedom of the press. A much greater threat to this is newspaper monopoly. Mr Chairman, Sir, if there is but one newspaper in this country, then no matter how dedicated to free speech the Government is, the opinions expressed and policies followed can very well be controlled by

one person or a small group of persons. In effect, this would mean that freedom of the press is denied to other citizens and newspapermen who may disagree with those few. In fact, there would be not only no freedom of the press but there could actually be thought control, for newspaper owners are not elected by the people. Indeed they are usually a group of rather selfish capitalists out for a quick dollar.

Mr Chairman, Sir, in this country this situation, unfortunately, actually prevails with the English language press. I make no apology for bringing up this matter again. The *Straits Times* group now controls practically all publications in English. It is, in fact, a dictator of public opinion among the English reading public. It denies others the right to express opinions that are contrary to the policies of the *Straits Times*, and the policies of the *Straits Times*, Sir, are ever so often "John Bullish". Indeed, the *Straits Times* is a local manifestation of the right-wing British press. Time and again, some brave souls have tried to break this monopoly, but time and again these people have failed. There are many reasons why they failed, but among the reasons is the fact that the *Straits Times* group is so rich and powerful and well able to sustain losses that the less well financed rivals eventually became choked to death. And when this happens there is much gloating by the *Straits Times*, gloating in fact over the death of freedom of the press. There is now but one tiny tabloid that has dared to survive, and this tabloid, amateurish in production though it may be, has become a vehicle for the expression of a variety of opinions. By and large, the opinions are critical of the Government. Some are naive, some are down right stupid, but off and on there have appeared criticisms which are constructive, though not laudatory of the Government. Mr Chairman, Sir, unfortunately, the death pangs of this valiant little newspaper are beginning to manifest themselves. Publication is no longer on schedule, and often you cannot find opinion on the newstand. If this little newspaper suffers the fate of the other newspapers, then the death blow will have been dealt to the free-

dom of the press in this country. The sad part of this story is that newspapermen and journalists and their self-appointed champions in this House will not mourn the death of a free press. They will not mourn because they cannot pin this on the Government.

Mr Chairman, Sir, I believe it is the Government's intention to encourage the free expression of opinions that the free press guarantees. The Government cannot give unlimited licence which can lead to journalistic anarchy. Unfortunately, people who are outside the Government, people who are in a position to aid a free press, seem to have misunderstood the reasons why the Government has given itself the power to curb excesses in the press—I refer, Sir, to the commercial community. This community wields a considerable influence over the well-being of any newspaper. In fact, they can make or break any newspaper merely by taking or rejecting advertising space. Only the *Straits Times* group appears immune to the big stick wielded by the commercial community. I am told by the publishers of one of the newspapers that no longer is that the people in the various commercial houses are unwilling to advertise in any newspaper or magazine that is critical of the Government. They think that if they do this, the Government will not favour them, that the Government may even cause their firms to lose contracts. This type of thinking is an insult to the Government. As I have stated before, I do not think that it is the Government's intention to suppress free speech, much less is it the Government's intention or *modus operandi* to twist the arms of industrialists merely because it wants to suppress the press. My intention in focusing the attention of this House on this matter is prompted by the desire not only to see a free press in this country but also the need to break a monopoly that is detrimental to the development of an acceptable character for this nation. The Government, Sir, must reassure the people that the laws concerning publication of newspapers are meant to perpetuate free press rather than suppress it. The Government must reassure and indeed encourage those who

are in a position to help a free press to try and sustain the efforts of the few to translate a belief into a fact. The Government must above all break the monopoly of the *Straits Times* Group and the big foreign firms which back this Group. Mr Chairman, Sir, unless the Government takes firm steps to clear this misunderstanding, freedom of the press will become meaningless, and the Government will be blamed for it instead of the culprits.

Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja ucapan saya di-dalam perbahathan berkenaan dengan Kementerian ini; selain daripada itu saya menyokong peruntukan yang telah di-perbuat dibawah Kepala B. 28—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I am sure the press, and if the press publishes the speech of the Member for Kota Star Selatan, will say that it is indeed very refreshing to hear a backbencher from the North talking about the freedom of the press. The Member for Kota Star Selatan knows that, as indeed he has stated, to publish a newspaper you need a licence, to own a printing press you need a licence, to hold a public rally, you need a licence, to have a procession, you need a licence, and invariably it is refused unless it is blessed by the Government. To hold a rally, you have the Special Branch prominently displaying their

Dr Mahathir bin Mohamad: Sir, I am afraid the Member for Batu is purposely misunderstanding me. I said that these licences are necessary only to curb excesses—they have never been used to suppress freedom of the press. So, I believe there should be these licences, but what is preventing a free press is not the Government but the people who are in the newspaper business itself.

Dr Tan Chee Khoon: I am grateful for the clarification. I have not purposely misunderstood him. I will come to that part of it a little later, Mr Chairman, Sir. As I stated, when he interrupted me, when you hold a rally, there is the Special Branch pro-

minently seated with the tape recorder and the like, and yet the Member for Kota Star Selatan says, "Oh, you know, we want freedom of the press, only the wretched *Straits Times* Group, they are the chaps who are breaking this, what you call, freedom of the press, they are the chaps who are exercising thought control, crushing ruthlessly all their opponents and, therefore, I call on the Government either to explain that everything is fine and dandy in this country, you don't have to worry". I hope he will come out and say that the Government should publish a newspaper in competition with the *Straits Times*.

Now, Mr Chairman, Sir, the Member for Kota Star Selatan has also stated that the need for a licence is necessary to curb excesses of the press. Of course, he knows, I know, and practically everybody in this House knows that what is being done regarding this freedom of the press is not printed in the *Straits Times*, *Sin Chew Jit Pau*, *Utusan Melayu*—it is not printed there. All that is needed is for somebody to take up the phone and say "*Enche' apa macham hal itu, jangan-lah menchetakkan*"—that is all needed. I know, I have seen a directive from the Ministry of Foreign Affairs to the editors in this country saying, "Play down, cut it out altogether". Do you call that freedom of the press? Time and again it happens, Mr Chairman, Sir. The Member for Kota Star Selatan knows, I know and, if the press publishes it, I hope, the international world knows that this is the so-called freedom of the press, what you call human rights, that we have in this country. I am no particular friend of the *Straits Times*, I want to make it clear, and I am with the Member for Kota Star Selatan when he says that he, perhaps, wants to break the monopoly of the *Straits Times*—but I shall deal with it a little later. The Member for Kota Star Selatan knows that so long as this sword of Damocles hangs over or dangles over the heads of the newspaper editors, can you blame them if they are very cautious? If, in addition to this sword of Damocles regarding newspaper permit, you have time and again editors in this country getting

phone calls from all and sundry, can you wonder that the press in this country except for some of the vernacular press, is insipid? Therefore, I say that I am completely in agreement with the Member for Kota Star Selatan that there should be, particularly for the English reading public, a strong rival and I will back any MCA, UMNO or MIC tycoon who wants to put up a newspaper in this country. Why not? They have the resources, they have millions to set up a newspaper, and they probably can get the best know-how in this country, they can get all the advertisements in this country. Why not?

The Honourable Member for Kota Star Selatan says, "The commercial community must help; they won't advertise in the *Utusan Melayu*; they won't advertise in the *Utusan Malaysia*; these wretched capitalists, they are all backing the wrong horse". Why did not he say, "Wait, till the UMNO, MIC and MCA set up a rival newspaper. We will and back it". And I will back the Member for Kota Star Selatan not because I have any particular love or hate for the *Straits Times* but because, like him, I am interested in reading a contrary view. We have only one diet for the English reading public in this country, the *Straits Times* Group "diet", but if there is a different diet that angles the news in this country differently, I am all for it. I repeat, I will back what feeble efforts I can muster to back the *Straits Times'* rival in this country. We know that, among other things, it is the M.C.A./M.I.C. tycoons who do not wish to see another Group flourishing for the English reading public.

While we are on the *Straits Times*, I wish to touch on the censorship at Subang. We are told that this is a "Free Press", but material coming from Singapore for the Press in this country, whether it is for the *Utusan Melayu*, for the *Nanyang Siang Pau*, for the *Sin Chew Jit Pau* or for the *Straits Times* Group, is subject to censorship by the almighty Special Branch in this country at Subang Airport. I am against censorship in any form, but I am particularly surprised that the

Special Branch should go all out of its way to censor an innocuous press in this country. As I have pointed out before, the news that the *Straits Times* Group publishes is not only innocuous but it is insipid, and I cannot see any newspaper wanting to knowingly violate the laws that are in this country, particularly since this Permit acts as a sword of Damocles for all the newspapers in this country. I do hope that the Ministry of Home Affairs will take action. They have always, time and again, when the *Straits Times* Group or other Groups raised a furor in the Press, said, "You keep quiet, we will settle these things. You just do not make too much noise; you know, that is embarrassing for the Government". Then, after a lapse of time, they forget about it and again the whole business starts all over again; they open up every little bit, they must see the photographs—Chin Peng down there or Mao's badge hidden somewhere. So, they must look. I ask the Assistant Minister of Home Affairs: is it all that necessary to impose this undeclared censorship at the Subang Airport?

The other thing that I wish to ask the Assistant Minister of Home Affairs is, why this contradictory set of statements regarding the biography of Lee Kuan Yew by Alex Josey? I think the Ministry of Home Affairs official says, "As far as we are concerned, there is no censorship"; the almighty Special Branch says, "We say there is unofficial censorship". Whom are we going to believe, Mr Chairman, Sir? A biography which, as far as I can remember, was favourably reviewed in the *Straits Times* by Allington Kennard, which was in the Book-stands for quite a number of days and which was freely purchaseable in Singapore before it came to this country. Suddenly the Special Branch took an interest in it, and they said that there was unofficial censorship. Then, somebody in the Ministry said, "As far as we are concerned, there is no censorship". At last we have an authoritative statement by the Minister of Home Affairs, who said that as far as he was concerned there was no censorship of that book. I do not think that even

the worst enemy of the P.A.P. and of Enche' Lee Kuan Yew, will say that he is a subversive character. Time was when he might have been a subversive character in the eyes of the reactionaries in this country, but now he is bending over backwards in order to be respectable to the capitalists, not only abroad but in Singapore and in this country. As such, I cannot see how his speeches and statements could be regarded as subversive in this country, and yet the Special Branch took it upon itself to say that there was an unofficial censorship. So much for the freedom of the press and for the freedom of expression in this country.

Mr Chairman, Sir, I wish now to touch on the Anti-Corruption Agency. While the Anti-Corruption Agency may run out a long list of successes—and I have no doubt that they have improved their efficiency—I wish to point out, as I have pointed out last year, that there are not enough bodies in this Anti-Corruption Agency in order for us just *not* to end corruption in this country, because I do not believe that one can put an end completely to corruption, but at least to curb it down drastically. If one looks at the Chartered Accountant, his salary is Super-scale "H", \$1,360. How long do you think a Chartered Accountant is going to remain in the Government Service at \$1,360 when industry beckons to him and says, "I will give you double, treble that amount. Why do you want to remain there?" So, I would commend to the Assistant Minister of Home Affairs that if you want people of the right calibre to remain, not necessarily in the Anti-Corruption Agency but in other Departments of the Government as well, then you must be realistic and upgrade the post concerned to make it commensurate with their qualifications and their experience and also give them enough as compared with those in industry.

Mr Chairman, Sir, I am glad that there is an increase in the personnel both in terms of numbers and in terms of rank, but I regret, as I have pointed out before, that in both Sarawak and Sabah, you have as Head of Anti-Corruption Agency of lowly Superscale

"J", a Superintendent of Police. Now, we know that Sabah is the most corrupt place in the Federation. There they do not think in terms of the *mata*² here getting \$1 or 50 cents, they think in terms of \$10,000, \$20,000, \$30,000, \$40,000 or \$50,000. You look at the Ministers, you look at the politicians, they do not live in *pondoks*; they live in big mansions. Some of them own yachts costing more than half a million dollars. I would like to ask the Assistant Minister of Home Affairs, "Has the Anti-Corruption Agency looked into the assets of these tycoons, particularly the politicians?"

Menteri Kebajikan 'Am (Dr Ng Kam Poh): On a point of clarification, Mr Chairman. Is he referring to all Ministers?

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am afraid, the Minister of Welfare Services has just come down; probably he has just got up from his sleep (*Laughter*). I was not referring to the Ministers sitting opposite me. I was referring to the Ministers in the Sabah State Government. That is a different kettle of fish. Although, when the time comes, I do not think that the conduct of those sitting opposite me will bear close scrutiny.

Tuan Pengerusi: Perhaps, he is very hard of hearing.

Dr Tan Chee Khoon: May be, Mr Chairman, Sir, I would not know although he is a colleague of mine, medically speaking (*Laughter*).

Dr Ng Kam Poh: On a point of clarification, may I ask the Honourable Member a question. Is he serious in talking about this "medical mind"?

Tuan Pengerusi: This is not the time to ask questions.

Dr Ng Kam Poh: On a point of clarification, Mr Chairman.

Tuan Pengerusi: For clarification, "Yes"—on what point?

Dr Ng Kam Poh: He spoke about my mind, Sir.

Dr Tan Chee Khoon: I did not say anything about his mind.

Dr Ng Kam Poh: Thank goodness, he did not!

Dr Tan Chee Khoon: I do hope that the Assistant Minister of Home Affairs will direct the Anti-Corruption Agency to look at the Ministers and the politicians who own huge mansions in Sabah. Also, let it not be said by the man-in-the-street not only in East Malaysia but also in West Malaysia, where it is common talk, "Oh yes, the Anti-Corruption Agency has done something, there has been prosecution from time to time, the Director of the Anti-Corruption Agency reels off a series of successes". It is all very well with these things, but it is only the small fry who is caught, the big fish gets off scot free. As evidence of this, I would say that I have received a letter addressed to the Deputy Prime Minister, a copy of which was sent to me, in which the writer says, "It is no use writing this letter to the Anti-Corruption Agency, because I do not think it will dare touch this big fish". This is a sort of sentiment that prevails in this country. After all, the Director of Anti-Corruption Agency rates a lowly Superscale "D". This is a sort of opinion held by quite a lot of people. They have been successful in prosecutions and in rooting out corruption in a number of places, but when it comes to the big fish, even the Director of the Anti-Corruption Agency cannot touch this big fish and therefore the writer of this letter has written direct to the Deputy Prime Minister, a copy of which was sent to me. I know that the Anti-Corruption Agency is trying its best to root out, to curb drastically, corruption in this country, and I do hope that the Government will give this Agency all the money, the bodies that this Agency may need, so that in time to come the man-in-the-street will not say, "Well, the small fry are caught, the big fish get away". Catch a few big fish and then you will find that the small fry will vanish automatically.

Now, Mr Chairman, Sir, if I heard the Assistant Minister correctly, he also pointed out, "You know, we are always very careful with expenditure, we are very economically-minded". I invite

him to look at page 350, O.C.A.R., Sub-head 7. Here is an item "Maintenance of Minister's Residence"—\$9,800 last year, this year also \$9,800. Now, we know that there is no Minister; although there is provision for a Minister, he rates only a token vote of \$10. There is no home specially for him as he has a home already in his capacity as Deputy Prime Minister. So, there is no separate residence for him. I ask the Assistant Minister, unless this sum of \$9,800 is for his own house, can he explain to this House why is the necessity for having this vote of \$9,800? If it is not for his house, then surely it should be a token vote of \$10. The Assistant Minister, when introducing these estimates, might have, perhaps, thought that those of us sitting opposite him were sleeping, but we were not. I did distinctly hear him say, "Kementerian saya, economy-minded", and all that. Is this an example of the economy-minded workings of the Ministry of Home Affairs that they should allocate \$9,800 for a home that is non-existent, unless, again, as I said, it is for his own house?

Now, Mr Chairman, Sir, I now come to page 351, Sub-head 23, O.C.S.E., where there is a token vote of \$10 for the History of the Emergency. Now, I do know that it was about seven or eight years ago, when this job was given to a lecturer in the Department of History, University of Malaya, and this officer I think, left this country more than four years ago. Now, I think the amount spent on this job—I stand corrected if I am wrong—is close on perhaps a quarter million dollars. But whatever it is, we have yet to see this History of the Emergency. Why this long, long delay? The Member for Parit yesterday stated that it was a world record to get hospital put up in his constituency. I do not say it is a world record to write a History of the Emergency, but certainly it is a long, arduous and inordinate delay; and if it is considered that that particular lecturer is not capable of finishing his job, I can say without fear of contradiction that there are at least half-a-dozen present lecturers in the Department of History

who can take over that job and complete it, perhaps, in about six months, and this is the thing, Mr Chairman, Sir, that I wish to commend to the Assistant Minister of Home Affairs. If I may be permitted, Mr Chairman, Sir, to digress a little, this also bears comparison with the National Dictionary proposed by the Minister of Education and the Director of Dewan Bahasa dan Pustaka. Both of them said, "Well at the end of 1968 that Dictionary will come out". This is 1969, and I have yet to buy this Dictionary in the bookstands. Apa macham, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman, Sir, I now wish to come to page 377, Registration, under Heads B. 31 and B. 32. I do know that there is an enormous amount of work involved in regard to the change of identity cards, and to the applications for citizenship in this country, and I do sympathise with them. But I want to know from the Minister, if he can tell us, why this long wait that everybody has to undergo. Now, I wish to make it clear that I myself have found that the people involved in the Registration Offices, whether for citizenship or for identity cards, have been most helpful. Whenever I ask the people who come to my dispensary in connection with this work and I send them to the office in Petaling Jaya or to the office in Kuala Lumpur, I have found the officers most co-operative, but by the very nature of the bureaucratic set-up, I think, people have to wait a long time. Is it because they do not have enough hands to cope with that work? If it is so, then I say that, instead of the \$9,800 on the maintenance of Ministerial residence, that should be vired to this one and the money be used to acquire two extra hands for the Registration Department, so that this long wait can be cut down. From time to time, one reads in the newspapers about people tearing their hair with rage over this long wait that they have to undergo. They send in their applications and wait for perhaps six months, one year, two years, but still there is no answer from the Registration Office. As I pointed out before, I have myself found them very helpful, but it may be because

they do not have adequate staff; and if it is so, then I commend it to the Assistant Minister of Home Affairs that he should get extra staff for this Department, so that the people who have made their applications need not have to wait so long because, amongst other things, the possession of such documents is of vital concern to some of the applicants—maybe they want to go overseas, maybe they want to get jobs—and, as such, a delay of two years means literally that they cannot get jobs for two long years. Mr Chairman, Sir, I commend to the Assistant Minister this matter of the long wait.

Together with this, Mr Chairman, Sir, is this question of the Stateless persons, whether they are here or whether they are in Singapore. The Minister knows that there is a large number of people who, by an accident of history, not because of their own fault, are stranded in Singapore, or maybe Singaporeans are stranded here. So, I do hope that the Ministry will consider this sympathetically. Currently, I have got a number of letters regarding this matter sent to me when this House has been sitting, a number of letters from people who have stated that they are now helpless, they are Stateless, they cannot get jobs, they cannot move out of Singapore and yet they have been born in this country. I do commend to the Assistant Minister that he should give sympathetic consideration to such Stateless persons of Malaysian origin who, perhaps, may not prove their birth or their residence in this country to the satisfaction of the Registration Department; and yet because they are Stateless in Singapore, they cannot get out of Singapore as Malaysia will not accept them, they are literally stranded in Singapore. Thank you.

Tuan Haji Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan Kepala 29, Ketua Polis Negara di-Malaysia Barat. Sa-bagai sa-buah negara yang mengamalkan dasar demokrasi dan berjalan dengan landasan Undang², Jabatan Polis ada-lah salah satu alat keamanan negara. Jika sa-sabuah negeri itu tidak ada alat untuk menjaga dan mengawal keamanan,

maka sudah barang tentu kedudukan negara itu akan kuchar-kachir dan porak-peranda. Ra'ayat negara kita ini tentu-lah berasa bangga dan bertuah kerana sejak negara kita ini mencapai kemerdekaan, Jabatan Polis ini di-kendalikan sa-terus-nya oleh warga-negara kita sendiri. Dengan ada-nya anggota² polis yang terlatah serta chekap, dengan tidak mengenal penat dan lelah, kita sangat-lah berpuas hati atas segala langkah² yang telah di-jalakan oleh mereka itu, sa-hingga sa-takat hari ini, sa-tiap anasir² jahat, baik dari dalam dan luar negeri, yang bertujuan hendak merosakkan keamanan negara kita ini, dengan kecekapan dan usaha² yang bersungguh², segala²-nya itu telah dapat di-hapuskan dengan segera-nya. Kita tentu-lah menguchapkan ber-banyak² terima kaseh atas kebaktian mereka yang telah berkhidmat dengan berjaya itu.

Satu perkara yang sangat patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan sekarang ini, Tuan Pengerusi, ia-lah supaya Jabatan Polis ini hendak-lah di-perlengkapkan lagi dengan alat² yang lebeh modern, baik dari segi senjata², alat² pengesan dan lain² termasuk-lah kenderaan kerana dengan alat² yang modern, up-to-date, ini akan melekas-kan lagi pehak polis kita dapat men-jayakan tiap² satu kes, sama ada besar atau pun kecil; umpama-nya kereta² ronda polis hendak-lah di-perbanyakkan lagi dengan kereta yang modern dan laju kerana saya dapati maseh ada lagi Jabatan Polis kita menggunakan kereta² ronda yang sudah burok dan tidak boleh lari dengan bagitu laju. Kadang² mereka tidak dapat mengejar kereta² yang di-kejar-nya itu. Bagitu juga moto² boat polis yang meronda di-laut hendak-lah di-peralatkan dengan alat² yang chukup modern dan jenis² yang laju.

Bagaimana yang kita semua ketahui pada waktu² yang akhir ini selalu sahaja kejadian rompak, samun berlaku di-bandar² besar kita dan sa-tiap kali kejadian itu berlaku, walau pun bagaima-na kata yang Berhormat Menteri tadi, polis telah berjaya menangkap kes rompak dan samun ini, tetapi ada kala-nya pehak polis kita terlambat dapat mengesan mereka yang jahat itu dan

kadang² ada juga yang tidak dapat di-kesan. Ini ada-lah di-sebabkan, pada pendapat saya, kurang-nya alat² modern yang di-perlukan sesuai dengan kes² itu. Saya menchadangkan sa-lain dari alat² yang biasa, helikopter jenis baharu jua sangat-lah patut di-perlengkapkan kapada polis kita dan ini, pada pendapat saya, ada-lah satu alat yang biasa yang di-gunakan oleh polis di-negara² lain dan dengan penggunaan alat ini saya penoh perchaya akan memperchepatkan lagi pehak polis kita mengesan satu² kes yang besar². Jika perkara ini di-katakan akan mengun-tokkan wang yang banyak, tetapi buat permulaan boleh-lah kita beli sa-buah atau pun dua untuk di-gunakan bagi tempat² yang mustahak saperti Kuala Lumpur, sempadan² dan tempat² yang besar².

Berkenaan dengan pengambilan pegawai² dan anggota² polis biasa, Tuan Pengerusi, bagaimana yang kita tahu pehak Kementerian yang berkenaan telah pun mengusahakan bagi mengambil beberapa banyak pegawai² dan anggota² polis biasa bagi menam-pong kekurangan anggota² polis untuk menjaga keamanan di-negeri kita ini. Apa yang saya harapkan pada masa² yang akan datang, Kerajaan jangan-lah mengambil terlalu banyak anggota² polis yang terdiri dari laki² sahaja, tetapi sangat kurang mengambil kaum wanita untuk berkhidmat dalam polis ini. Chontoh-nya, Tuan Pengerusi, bagaimana ada di-dalam anggaran perbelanjaan ini, mithal-nya anggota polis biasa ada sa-banyak 16,156 orang sedangkan mata² wanita sa-banyak 96 orang sahaja. Ini ia-lah untuk persaim-bangan yang selalu sahaja di-sebut² atau di-kehendaki oleh gulungan kaum wanita di-dalam negeri kita ini dan saya fikir sangat-lah patut kita menam-bah anggota polis wanita di-negeri ini sesuai dengan kes² atau pun keperluan keamanan negara kita ini. Dengan penambahan anggota polis wanita ini boleh-lah kita tempatkan mereka² itu kapada balai² polis, bukan sahaja yang dudok di-dalam kawasan² dalam bandar, tetapi juga yang dudok di-kawasan luar² bandar.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Badan Penchegah

Rasuah. Ra'ayat negeri kita sekarang tentu-lah berasa puas hati atas langkah² Badan ini yang telah dapat melaksanakan tugas-nya dengan chukup chekap dan berkesan. Kalau dahulu sa-belum Badan Penchegah Rasuah ini ditubuhkan, perkara rasuah boleh-lah di-katakan berluas²an di-mana² pun, baik di-Pejabat² Kerajaan, di-luar daripada Pejabat² Kerajaan, duit² bakul dan sa-bagai-nya, tetapi sekarang nampak-nya kegelisahan orang ramai dari segi ini telah pun berkurangan sangat. Kita tentu-lah menafikan tuduhan puak Pembangkang yang mengatakan bahawa Badan Penchegah Rasuah ini telah pun berat sa-belah, umpama-nya menangkap ikan² yang kechil², tetapi ikan² yang besar di-biarkan sahaja. Ra'ayat kita patut-lah menguchapkan banyak terima kaseh kepada Badan ini yang telah dapat menjalankan tugas-nya dengan chukup chekap dan berkesan. Apa yang saya harap pada Kerajaan, Tuan Pengerusi, ia-itu hendak-lah memberikan kemudahan kepada Jabatan ini untuk memperlengkapkan dengan sa-chukup²-nya dengan alat² yang modern dan melateh pegawai² yang lebeh banyak lagi supaya Jabatan ini akan dapat melaksanakan tugas-nya dengan lebeh² maju lagi pada masa² yang akan datang.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang)

(dengan izin): Dato' Chairman, Sir, of late there have been complaints from members of the public, especially from my constituency, regarding the long wait for new identity cards and for citizenship certificates. I would therefore, on this problem, support Head B. 32, Item 11 to 14 regarding the National Registration Department for a sum totalling \$237,192.

Regarding the alarming state of affairs in the issue of identity cards, the months of waiting for new Identity Cards is bad enough, but imagine the frustrations a member of the public encounters, before one is able to hand in the application at the right counter. Very often a person takes leave from his work to fulfil the requirements of the law with regard to his Identity Card. He may have to travel a good many miles but, when he arrives at the Department, he finds himself at the tail

of an unpleasantly long queue. The mission proves to be impossible when after a few hours of queuing and waiting, the uncompromising "tutup" sign is slammed in front of his face. He has to come back in the afternoon or make a second or even a third trip. Precious time, money, energy and many hours of work are thrown down the drain. If the applicant is an illiterate person, may God have mercy on him.

This sad state of affairs is all the more alarming as I understand that the Department of National Registration is faced with an annual backlog of 430,000 applications which are yet to be processed. According to the Commissioner of National Registration in a letter to the *Straits Times*, on December 7th 1968, the Department is very much understaffed, so much so that they can only handle 70,000 applications a year out of half a million or 500,000 applications made to the Department annually. The problem as a result of inadequate staff is further aggravated when Registration Officers have to serve and to travel about extensively in the rural areas. As years go by, I foresee that this backlog, if left untackled, will accumulate and assume a giant and unmanageable proportion.

Similarly, there is also a great deal of complaints from the public about delays in the processing of citizenship certificates. I understand that there are about 20,000 applications outstanding, and one of the major obstacles to speedy processing and thereafter granting of the citizenship certificates is the minute and careful checking and counterchecking of personal particulars and of the background of each applicant. This, of course, necessarily takes time, and I understand that, again, because of insufficient staff in the Department, this has caused a backlog of some 20,000 applications yet to be dealt with. In the meantime, applicants for citizenship have to suffer long delays and, in many cases even hardship, because they are unable to produce the citizenship certificates for various requirements and purposes, such as getting jobs, passports and so forth.

Mr Chairman, Sir, this sad state of affairs in the long wait for citizenship certificates as well as for new identity cards, is giving the Department of National Registration a very, very bad image, although we fully realise that this is brought about by factors beyond the control and through no fault of the Department.

Sir, on behalf of the innocent taxpayers who suffer these hardships and also for the sake of a better image of the Department of National Registration, I would like to appeal to the Honourable Minister of Home Affairs to use his good office to take immediate remedial action.

A solution has to be found, and it has to be found quickly and speedily before the whole registration machinery gets out of gear. The longer the solution to this is delayed the more the people will suffer. One solution, Mr Chairman, Sir, is to increase the staff substantially, but this would be incompatible with the Government's policy of austerity drive. Instead, I suggest that a central, mobile clerical pool be set up. This pool would consist of clerks drawn from various Government Departments and Ministries which have a surplus of clerks for a particular period of time. They can be deployed to wherever their services are most urgently required. This move does not entail increased Government expenditure as no new staff is recruited. In fact, it is very much in keeping with the Government's economy drive which aims to minimise Government expenditure and at the same time to achieve maximum efficiency.

I suggest Sir, that the first task of this central clerical pool, if set up, is to speed up and clear up the backlog in the Registration Department and subsequently to be deployed to other departments which have inadequate staff to deal with their problems.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar)
(dengan izin): Mr Chairman, Sir, I would like to support the Estimates and speak under Head B. 32, but would at the same time draw the attention of the Honourable Minister to the hardships and concern of many people who

find it difficult to get identity cards and Federal Citizenship papers for themselves and for their children. In this respect, Sir, I fully support the statement made by my M.C.A. colleague, the member for Kulim, when he spoke during the general debate.

Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister and ask him if he is aware of the very great delay in the issue of identity cards and Federal citizenship papers. Is he also aware that it is very common that applicants have been told to wait for months, or even a year or more, for the issue of an identity card? What is even worse is that the applicants have to call several times at the Registration Offices to find out what is really happening to their applications. Most of these applicants live in the rural areas and are people of poor means, can hardly afford to depart for the towns, leave alone making several trips to the Registration Offices. In my constituency, Sir, the officers come only on certain days. Very often the rural folks are disappointed for having to travel the long distances to see these officers. In fact, they are frustrated and many have given up hope. I would urge the Honourable Minister to hasten the issue of identity cards and Federal citizenship papers.

In cases of school children, Sir, some of them are asked to produce their identity cards and Federal citizenship papers for purposes of registration at the age of 12 years. Always, they are unable to do so, and so a series of inconvenience arise with the school children having to go through many difficulties often involving the parents and assurances from local J.P.s., Councillors and the like. Such is the case also in respect of pupils who have to produce their Federal citizenship papers but are unable to do so. I do hope the Honourable Minister will take immediate steps to see that this state of affairs will not carry on.

Being on this subject, I would like to congratulate the Honourable Minister of Finance for the production of the Budget Summary which is not only very informative but makes interesting

reading. Besides, the Summary is one of the few documents presented to us which is easily understood and self-explanatory.

Sir, we are told that the average unit cost of issuing an identity card in 1967 was \$2.86; last year it was \$3.30; and this year it would be \$3.00; and the average cost of issuing a citizenship certificate was \$3.86 in 1967; last year it was \$4.24; and this year it would be \$4.86. Sir, with due respect to the Minister concerned, costing is based partly on the output. If the output is increased, the cost of production would be proportionately reduced in accordance with the expenditure. I would strongly urge the Minister to increase the staff and put in more persons to deal with the issue of identity cards and citizenship papers. This will create more employment while at the same time reducing the unit cost for the issue of the identity cards and citizenship papers.

Sir, there is another item which I feel is important enough for the Honourable Minister to look into. I refer to the many cases where persons have been deprived of their citizenship under the Government's amnesty programme or where the qualifications was wrongly obtained because the applicant being ignorant could not and was unable to add the period of stay in Malaysia correctly. Most of these persons have now the necessary qualification to re-apply for citizenship and many of them are now re-applying for citizenship. However, due to the very strict interpretation of the law and having to prove many requirements, which the law itself is silent upon, most of the applicants cannot qualify for citizenship. Their applications, in most cases are rejected. Sir, may I appeal to the Honourable Minister to use his good offices to see that as long as the minimum requirements are met as laid down in the law and under our Constitution, every applicant be given citizenship of our country.

Very often, Sir, the applicant has to prove that he has "roots" in Malaysia. The word "root", Sir, is not at all mentioned in our Constitution, and

there is no definition available as far as I know. However, this oppressive word "root" has been mentioned in replies to the applicants. Does it mean that he must marry a citizen of Malaysia, own property, operate a business, and so on? Sir, it would be to the whims and fancies of the officers processing the applications to decide. Mr Speaker, Sir, may I say that these applicants, who had their citizenships cancelled before, are very sincere and honest about becoming citizens of Malaysia; otherwise, they would not have bothered to apply. These are the kinds of people that we should be proud of, who have every intention of serving and dying for our country. The applicant has every intention of playing his part in helping to build a better Malaysia, otherwise he would not have bothered at all. If we take a different view towards these applicants, Sir, and reject the applications through strict interpretation, then I feel the Honourable Minister would have done a great injustice which I think at this present time of our nation-building will have far reaching effects and influence to both citizens and non-citizens in our country. Mr Speaker, Sir, I hope that all applications for citizenships as laid down in the Constitution will be seriously looked into by the Honourable the Minister.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saperti biasa dengan rengkas-nya saya turut berchakap juga di-dalam Head 28. Perkara yang pertama sa-kali yang saya hendak sebutkan sadikit ia-itu saya tidak dapati ada Peruntukan Kemajuan atau Pembangunan atau Development bagi Kementerian ini, saya tidak tahu apa-kah Kementerian ini sudah rasa chukup dengan Ordinary Expenditure. Tuan Pengerusi, saya rasa kalau kita hendak memandang kapada angka wang yang di-tuntut tidak-lah menimbulkan sa-barang pembahathan kerana Kerajaan tentu-lah meminta wang sa-kadar yang menasabah memandang kapada kerja² yang kita hendak jalankan dan memandang kapada tugas-nya. Tetapi yang menjadi masaalah-nya ia-lah jenis kerja yang hendak di-laksanakan itu dengan angka

yang di-minta. Mithal-nya dalam muka 148 Command Paper No. 4 Budget Summary. Yang di-atas sa-kali ia-itu Allocations by Programme Activities, yang pertama-nya ia-lah "Border Security Operation". Pada tahun ini kita minta \$251,000 ia-itu berbanding dengan \$208,402 pada tahun yang lalu. Tidak ada orang yang hendak membangkang tentang \$251,000 itu; yang hendak di-chakapkan, kerja yang hendak di-buat itu berguna-kah dengan wang yang hendak di-beri. Ini, Tuan Pengerusi, saya dapati bagini. Saya dapati walau bagaimana banyak kita belanja wang di-sini sa-kali pun kerjanya itu tidak begitu effective sebab Kerajaan sendiri mengaku di-dalam performance di-bawah ini hasil² itu ia-lah membawa kepada tiga perkara.

Yang pertama, membunuh bandit kominis ia-itu pengganas kominis. Dan yang kedua, menangkap kominis bandit. Dan yang ketiga, menangkap penyokong² kominis. Tetapi kominis itu sendiri tidak ada tindakan kepada kominis kechuali kalau dia bandit baru di-tangkap dalam negeri ini.

Yang kedua kalau orang ini support, kominis supporter itu yang di-tindak-nya, the very communist itu sendiri tidak ada sa-barang action. Jadi apalah erti-nya kita meminta wang banyak untuk menangkap benda² yang di-tepi sedang benda yang menimbulkan kachau bilau itu sendiri tidak ada di-sebutkan di-sini atau pun Menteri ini minta saya koyakkan kertas-nya sendiri menunjukkan benda itu tidak betul.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, sekarang saya suka hendak mendapat tahu daripada Yang Berhormat, kominis yang mana yang di-katakan mesti di-tangkap oleh Kerajaan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, jawapan itu sedia apabila saya duduk di-situ pada tahun 1969 (*Ketawa*) bukan sekarang ini. Sapatut-nya, Tuan Pengerusi, saya tahu sahabat saya ini memang bekerja betul. Jadi sebab itu . . .

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, jawapan Yang Berhormat

tadi dia memikirkan pada masa sekarang dia sedang hendak memasuki dalam Perikatan supaya dapat dia duduk di-atas kerusi di-bangku sa-belah sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, itu soal lain (*Ketawa*), Tuan Pengerusi. Jangan menambahkan kesebukan saya lagi. Ini, Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya menjadi fikiran orang ramai, fikiran ra'ayat kita, kominis sendiri tidak tangkap jenis mana itu, terpulang-lah kepada Kerajaan hendak define bukan Opposition yang hendak define, Kerajaan sendiri-lah—the burden of proof is on you not on me.

Yang kedua, apabila kita tidak tegas dalam perkara ini, maka tentu-lah security kita, gerakan security kita, operation itu, tidak dapat hendak dilaksanakan dengan tegas. Mithal-nya bagini, Tuan Pengerusi, operation atau pun gerakan yang hendak di-lakukan, orang yang masok membawa senjata dia boleh menembak kalau dia itu bandit kominis, yang ini supporter kominis, yang kominis sendiri dia tidak boleh buat apa². Jadi operation itu sendiri hendak mengator tugas itu sendiri tidak dapat hendak di-laksanakan tugas sa-lain daripada fikiran orang ramai rupa²-nya. Kerajaan Perikatan ini dia marah penyokong kominis, marah kepada pengganas, kominis sendiri dia tidak marah, bandit tidak mesti kominis, bandit siapa juga kalau dia bandit dia mesti menerima hukum, tetapi di-sini di-khususkan kepada bandit kominis, erti-nya kalau kominis itu tidak jadi bandit di-negeri-ini—"welcome" Perikatan kata. Ini satu falsafah yang besar dan performance yang saperti ini tidak patut di-bayar sampai \$251 ribu kechuali kalau di-upah, itu saya tidak mahu ini memberi nasib baik saya tidak pegang kuasa, kalau tidak saya tidak beri duit ini, Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Yang kedua, Tuan Pengerusi, State Security. State Security ini pun susah juga sebab di-masokkan di-dalam, kalau saya tidak salah, Tuan Pengerusi, kalau salah boleh betulkan, di-masokkan di-dalam Ordinary Estimate ia-itu termasuk tentang Call-Up di-Sabah

kerana Filipina mengachau kita begitu bagini. Ada pun masalah yang saperti ini masaalah yang timbul bukan masaalah Ordinary Expenditure. Kalau besok-nya dia tidak timbul pula, potong pula itu di-masokkan di-dalam Development. Bagi saya, saya bersetuju begitu, saya tidak mahu di-bayar dengan Ordinary Expenditure. Kemudian daripada itu di-dalam Rang Undang² yang sudah lalu kalau tidak salah telah saya perchapkan, saya tidak mahu Call-Up ini bagi Sabah sahaja, saya hendak nationwide, kesemua sa-kali mesti di-seru, mesti diperlengkapkan dengan senjata dan orang yang lebeh utama hendak mempertahankan atau pun hendak defence itu ia-lah orang yang from the same valley, erti-nya orang yang daripada tempat itu sendiri yang daripada Sabah, itu satu masaalah lain, tetapi menentukan panggilan kerahan tenaga ra'ayat kapada Sabah sahaja sa-olah² Sabah-lah yang akan hendak bertanggung-jawab mempertahankan negeri itu. Itu saya tidak bersetuju begitu.

Kemudian daripada itu, Tuan Pengerusi, kalau kita panggil Sabah sahaja dan kita hendak ada training di-situ, timbul pula confrontation daripada lain pula, kalau di-Kelantan, seru Kelantan sahaja untuk mempertahankan. Jadi waktu confrantation Kelantan hendak lawan, waktu kuasa semua serah kapada Pusat, itu co-ordination di-antara State dengan Federal tidak sehat dan begitu juga co-ordination di-antara Malaysia dengan State of Sabah itu tidak sehat. Sebab Sabah masuk Malaysia tidak sama dengan dudok-nya Pahang dalam Malaysia. Bagi saya, Pahang, Perak atau negeri² yang lain itu unit di-dalam Malaya yang menjadi teras kapada Malaysia; Sabah, Singapura, Sarawak memasoki Malaysia dengan Agreement. Agreement itu boleh dia tarek diri dan bila² masa pun kalau Sabah mahu dia berhak dengan "By Virtue of the Constitution"

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup. Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

Kepala² B. 28 sa-hingga B. 32—

Perbahathan di-sambong sa-mula

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya tadi saya datang ka-muka surat 148 Command Paper No. 4 di-bawah Pechahan-kepala 2B ia-itu berkenaan dengan State Security di-Sabah. Pagi tadi saya telah mengemukakan kapada Kerajaan supaya Kerahan Tenaga Ra'ayat ini di-lakukan di-peringkat kebangsaan tidak di-peringkat Sarawak sahaja. Dan di-bawah (c) ia-itu Security Forces kita telah menjalankan tugas²-nya sa-telah kita melakukan perjanjian dengan Indonesia untuk mengawal border atau pun perenggan ini juga, Tuan Pengerusi, patut kita beri perhatian ia-itu yang sa-benar-nya bukan kita semata² mengirim pegawai² atau anggota kita bertugas tetapi hendak-lah kita membuat penyiasat² di-atas sebab² mengapa kita dapati banyak kominis atau pun penyokong² kominis berulang alek menyeberang di-antara kawasan kita dengan kawasan Indonesia.

Beraleh kita kapada Anti-Corruption Agency di-muka 149. Tuan Pengerusi, kita menerima kaseh kapada Kerajaan oleh kerana Kerajaan dapat mengadakan Agency atau pun Badan Penchegah Rasuah yang sa-macham ini tetapi ada satu masaalah, Tuan Pengerusi, saya lebeh suka bukan sahaja kita dapat mengadakan badan mencheegah tetapi patut kita mengadakan satu Royal Commission ia-itu Surohanjaya di-Raja menyiasat kedudukan rasuah di-Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun "Developing Country" dimana² pun yang saya tahu, Tuan Pengerusi, Surohanjaya yang sa-macham

ini di-adakan, mithal-nya di-dalam library kita, kita dapati sa-buah buku berkenaan dengan apa yang di-sebut "Corruption in Developing Nations" ia-itu berlaku-nya rasuah di-dalam negara² yang sedang membangun dan Malaysia termasuk-lah di-dalam lengkungan negara² ini menchegeh sa-mata² kita tidak dapat menyatakan kepada maksud yang kita kehendaki; kita tidak bermaksud hendak menangkap orang yang salah sa-mata² dan menghukum orang yang salah sa-mata² tetapi kita berhajat menchebut akar umbi perangai rasuah di-dalam nation kita dan ini tentu-lah tidak dapat di-jalankan oleh pegawai² yang bertugas sa-bagai pegawai² penchegeh rasuah tetapi dia berhajat kepada satu polisi yang lebeh luas dan polisi ini mesti berdasarkan penyiasatan dan kita dapati facts and figures yang tepat yang dapat merupakan satu thesis bagi negara kita. Dengan demikian benda yang belum berlaku dapat kita lebeh dahulu prevent atau pun kita menyekat jalan-nya. Ini tidak ada tiba² mengadakan satu badan untuk menjalankan kerja Anti-Corruption. Polisi negara sendiri berkenaan Anti-Corruption tidak ada, jadi bagaimana kerja ini hendak effective, tentu tidak boleh effective sama sa-kali. Kita tidak tahu kadang² boleh jadi gaji pegawai² kita rendah barang makanan tinggi, peluang employment tidak chukup. Ini faktor² kesemua-nya mendedahkan ra'ayat kepada kerja² yang tidak baik. Macham sa-ekor kucing, Tuan Pengerusi, kita tidak bagi dia makan, minum pun kita tahan sa-hari kemudian kita buka hidang makanan kita, letak kucing di-tepi sudah tentu kucing itu menerkam kepada hidangan itu dan kita bawa rotan pukul kucing itu—ini jahat, itu tidak betul, ini-lah yang saya minta Kerajaan kita menambahkan lagi perhatian-nya.

Satu perkara yang saya amat dukachita, Tuan Pengerusi, ada beberapa orang pegawai Polis sendiri terlibat di-dalam kerja² corruption ini. Perbuatan sa-orang dua boleh menjatuhkan nama baik polis seluroh-nya. Saya dapati ada report² yang ini kena 8 bulan, yang ini kena 3 bulan, yang ini kena 4 bulan, yang lebeh menyedehkan, saya bimbang kalau² pegawai yang di-hukum di-

bawah rasuah ini ia-itu pegawai yang di-pileh untuk menjalankan tugas menchegeh rasuah ini-lah satu perkara yang memalukan sa-kali. Mithal-nya di-kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, di-harapkan kepada sa-orang pegawai polis pangkat dia Sarjan supaya dia menjaga kedudukan keamanan boleh jadi dia di-tugaskan menchegeh rasuah tiba² dia di-tangkap di-bawah kesalahan rasuah dan sudah kena hukum 8 bulan. Saya tidak tahu dia appeal atau tidak, ini, Tuan Pengerusi, bukan kita kata polis itu jahat—polisi negara kita itu tidak tegas dan tidak dapat

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, mengikut pendapatan saya kes yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu maseh di-dalam timbangan lagi. Mengikut laporan saya terima orang yang bichara dan di-hukum itu telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Jadi, rasa saya tidak kena-lah pada tempat-nya kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, kalau saya silap dalam perkara ini saya boleh tarek balek dan saya pun tahu kalau sa-kira-nya kes itu maseh dalam appeal lagi tidak patut kita berhakap. Apa yang saya sebut ini ia-lah sa-bagai contoh yang saya hendak memperkuatkan bahawa kalau polisi kita itu tidak kena maka kerja² kita itu menimbulkan bermacham² perkara yang tidak baik sama ada kes ini maseh selesai atau tidak—repercussion atau pun public opinion amat-lah sesuai hendak mengharapkan kepada Menteri kita ini, jadi dahulu tidak banyak sangat rasuah ini sa-lama Menteri Muda ini memegang jawatan makin sa-hari sa-makin bertambah pula rasuah. Ini pun satu berita yang tidak menggembirakan, Tuan Pengerusi.

Di-bawah Internal Security. Saya maseh ingat, Tuan Pengerusi, Parti PAS menyokong supaya kita mengadakan satu Undang² Internal Security Act dengan harapan bahawa Kerajaan tidak akan menyalah gunakan Undang² ini. Tetapi kalau saya membuat kenyataan

boleh di-katakan kenyataan saya ini sabagai satu da'awaan boleh di-tolak dan boleh di-terima. Kalau saya tidak betul saya harap Menteri ini betulkan. Saya berani membuat chabaran ia-itu satu penangkapan di-bawah Undang² Internal Security Act terhadap sa-orang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan ia-itu Enche' Mohamed Yatim—saya tidak melibatkan orang lain, saya berchakap in particular sahaja, saya tidak mahu melibatkan orang lain, saya tidak mengatakan kesemua tangkapan yang di-lakukan oleh Kerajaan itu tidak betul, saya tidak berchakap macham itu. Yang saya tahu ia-lah Ahli Yang Berhormat ini di-tangkap kerana terlibat di-dalam kominis aktiviti atau pun subversive, bagitu-lah bunyi-nya. Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri membuat kenyataan, dan dalam jawapan bertulis-nya pun ada di-sini, ia-itu tidak pernah menudoh Parti PAS ini terlibat dengan kerja² yang samacham itu, apa yang berlaku-nya ia-lah orang itu sendiri ia-itu individual.

Tuan Pengerusi, saya chabar Menteri ini kalau tidak boleh pada waktu ini pada waktu yang lain dalam Development ia-itu membacha charge itu—charge yang di-tudoh kepada orang yang kena tangkap itu baharu kita dapat menimbangkan. Ada pun Kerajaan hendak tahan orang itu for security itu saya tidak membantah, saya hendak tahu tuduhan itu supaya dapat kita menimbang. Ma'alumat yang sampai kepada saya dan saya perchaya Menteri ini tahu di-tudoh bahawa orang ini mengadakan meshuarat sulit disabuah rumah di-Kampung Puteh. Tidak ada rumah orang lain kalau mengikut itu ia-lah rumah Menteri Besar atau pun rumah Timbalan ditempat itu tidak ada rumah, rumah pegawai Kerajaan jikalau betul dia ada pada malam itu mengapa tidak dilakukan raid—pergi raid, tangkap pada masa itu baharu kena. Yang kedua, konon-nya di-dalam meshuarat itu pun ada beberapa orang lagi why, mengapa tidak di-lakukan tangkapan kepada orang itu. Dan yang ketiga, di-tudoh bahawa orang ini—Mohamed Yatim ini—mengumpulkan 15 pemuda yang militant untuk mendapat training untuk melawan Kerajaan dan siding kepada

kominis, mengapa yang 15 orang tidak di-tangkap sa-kurang²-nya menjadi Government witness—menjadi saksi kepada pehak Kerajaan, ini berbangkit daripada framing of charge kalau saya tidak silap, ini yang sampai kepada saya. Jadi, saya perchaya pada waktu ini tentu-lah kita hendak minta ma'alumat kepada Menteri tidak dapat tetapi saya chabar Menteri ini membacha charge itu di-dalam Dewan ini. Jikalau sa-kira-nya tidak dapat dan Undang² Internal Security ini tidak dapat di-betulkan—saya tidak suroh memansuhkan—di-perbetulkan, di-perelokkan, saya mengatakan go to hell with the present I.S.A.

Tuan Pengerusi, masaalah ini masaalah besar, masaalah mengugat ra'ayat, masaalah satu yang kita hendak baik tetapi dengan perbuatan kita itu kita melakukan satu² yang tidak baik. Saya tidak pernah challenge motive Kerajaan, tetapi saya challenge perbuatan-nya itu, niat baik perbuatan-nya tidak baik, menimbulkan benda yang tidak baik—di-situ yang saya challenge. Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyatakan kalau-lah dengan statement Kerajaan bahawa ada pehak komunis itu menggunakan Islam ia-itu Islam sama dengan komunis, dengan kamunism, dan ini di-takuti orang Parti PAS terlibat, saya dapat memberi jaminan, Tuan Pengerusi, Parti PAS ini parti ugama dan berdasarkan ketuhanan, dia langsung tidak dapat hendak di-samakan dengan komunism, tambah² pula orang yang berchakap sekarang ini bukan sahaja anti komunism tetapi orang yang sudah dapat habuan daripada dharurat di-masa komunis bangun memberontak dahulu. Jadi, saya tidak fikir yang Kerajaan ini sampai bagitu tidak tahu apa dia Parti PAS ini dan sa-jauh mana kebimbangan-nya terhadap orang² PAS ini. Jadi, melemahkan perjuangan parti PAS—untung satu segi—ia-itu memberi peluang kepada Parti Perikatan naik dari satu segi tetapi merugikan negara, sebab Parti PAS ini satu unsur yang anti-komunism yang tidak mahu perkara² komunis yang tidak bertuhan itu di-negeri ini kita lumpuhkan. Tuan Pengerusi, senjata lawan senjata, faham

lawan faham, pragmatism dalam Perikatan tidak boleh melawan komunism melainkan ia-itu akidah yang kuat ini merugikan satu nation—satu bangsa kita sendiri. Saya tidak peduli sangat masaalah diri saya atau parti tetapi yang masaalah-nya ini merugikan usaha² yang telah kita bena sekian lama.

Tuan Pengerusi, yang satu pelek lagi saya bawa kepada Royal Malaysia Police atau pun boleh juga di-kaitkan dengan ini ia-itu yang terakhir sa-kali saya hendak berchakap. Pada satu masa semua Ahli Dewan ini tahu ia-itu ada tiga empat orang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan datang ka-Kuala Lumpur dan mengishtiharkan diri masuk ka-dalam Parti Perikatan dan entah berapa hari pula lari masuk Parti PAS, tetapi masaalah-nya bukan masaalah ini masaalah yang di-sabalek itu. Salah sa-orang daripada ahli ini pada hari Juma'at di-tahan oleh polis dan di-beritahu kata-nya ketua atas minta tuan datang ka-polis dan apabila datang terus di-bawa mari ka-Kuala Lumpur dan mari di-Kuala Lumpur ini terus di-suruh masuk Perikatan, di-suruh sain surat² semua. Jadi, ini Tuan Pengerusi, satu perbuatan budak², perbuatan orang bodoh, orang yang tidak layak memerintah. Saya tidak perchaya pegawai polis hendak melakukan ini kalau dia tidak dapat perintah daripada atas, dan kalau pehak atas tidak memerintahkan mengapa Kerajaan tidak membuat satu statement menchuchikan perkara ini dan bagi tahu kepada pehak PAS bahawa-nya perkara ini tidak berlaku begitu, kita memang menunggu kenyataan yang sa-macham itu. Jadi, kalau Kerajaan menggunakan sa-tengah² pehak orang untuk menakut²kan orang berpolitik dengan waras bagini, saya pun boleh keluar ini Ahli Yang Berhormat ini marah kepada saya—perintah satu polis tangkap kurong 4 hari kemudian lepaskan, kemudian balek ka-rumah kemudian tangkap pula, lepaskan. Jadi, apa ma'ana, di-mana yang kita hendak kata hendak maintain security dengan public tranquility, ka-semua ini di-mana dudok-nya sa-macham ini? Apa ma'ana kebebasan kita, maka dalam dua ini,

kalau Kementerian ini tidak dapat memberi penerangan dan kalau Kerajaan tidak dapat mengaku bahawa I.S.A. ini akan di-perbaiki, maka saya rasa nama baik Kerajaan kita akan jatuh.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali chuba kita fikir kalau orang pernah pergi ka-Kelantan menengok pilehan raya, orang itu akan lari balek tidak dapat dudok sampai dua hari. Bagaimana tekanan kepada pengundi² di-Kelantan terutama kepada pehak² PAS. Perchaya-lah, Tuan Pengerusi, sa-lagi pehak Kerajaan menggunakan keke- rasan, dia tidak dapat harap hendak boleh menang di-Kelantan, sebab politik ini, mengikut fahaman, saya sama dengan kettle—kendi yang kita masak ayer dengan api. Kalau kita tutup mulut, tutup munchong-nya, meletup kendi itu. Jadi, Kerajaan Perikatan chuba menutup mulut, chuba mene- kan, chuba membuat itu, meletup benda ini. Ada jalan yang lebeh baik, yang lebeh bijak lagi kalau mithal-nya kita rasa Kerajaan Perikatan rasa lebeh pada tahun ini, rasa tidak terjamin dan kalau menang pun tidak dapat sweeping majority sa-bagai da- hulu, apa salah-nya cherita betul². Chari dengan jalan yang baik, tidak ada apa—perenggan ini bukan pereng- gan yang di-buat oleh lautan Pacific. Ini perenggan yang di-buat oleh Kera- jaan sahaja. Ada yang sini pergi lari ka-sana, yang sana lari pergi ka-sini. Tokoh² UMNO hari ini sudah masuk PAS. Bekas Member of Parliament daripada UMNO masuk PAS dan ada banyak lagi, Tuan Pengerusi, kita akan menggunakan hujjah² yang Kera- jaan tidak mahu menjawab. Kalau tidak mahu menjawab untuk merebut kembali Trengganu itu dan ini telah kita sediakan projek²-nya untuk men- jatuhkan Kerajaan Perikatan ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, di-samping mengalu²kan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang sa-banyak \$165,834,510, pertama sa-kali saya suka menyentuh Kepala Perbekalan 28, muka 343, Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri. Kedua, muka 346—Lembaga Penapis

menyelesaikan-nya pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, menyentoh soal polis, kita sudah menengok bagaimana keganasan yang di-lakukan oleh penganas² kominis dan juga gangster² yang ada dalam negeri kita ini. Yang nombor satu sa-kali, orang yang akan berhadapan dengan mereka ia-lah anggota² polis dan anggota² polis ini-lah yang satiap waktu terdedah untuk mangsa daripada gangster² ini atau pun daripada pasokan² yang hendak melakukan jenayah di-dalam negeri ini, tetapi, Tuan Pengerusi, saya menengok anggota polis kita ini sudah-lah kita berasa bangga dengan kecekapan yang telah di-jalankan-nya sa-hingga penchurian atau pun perompakan yang di-lakukan oleh pemuda² itu sampai dapat di-tangkap oleh polis dan wang-nya dapat balek di-rampas balek. Ini menunjukkan kecekapan anggota² polis kita menjalankan kerja, tetapi, Tuan Pengerusi, polis kita ini saya nampak kalau sa-kali imbas kita tengok, tidak berapa geron sebab saya tengok pakaian-nya macham budak scout sahaja, pakai seluar pendek dan kalau ada pistol di-sabelah pinggang itu baharu ada geron sedikit, tetapi kalau sa-kira-nya pakaian macham R.U. yang pakai biru dan seluar panjang, ini lebih geron lagi terutama sa-kali kepada gangster². Kalau nampak R.U.² ini orang² ini chabut dahulu lari siang². Jadi saya rasa lebih baik pakaian² anggota² polis kita ini di-ubah, di-chari satu bentuk pakaian yang boleh terhormat sedikit, tidak-lah pakai seluar pendek sahaja, nampak kepala lutut, biar-lah pakai seluar yang agak baik sedikit, nanti boleh jadi Menteri kata panas, kalau terlalu panas, tetapi ashkar kita pun pakai seluar panjang juga dan kita pun banyak yang pakai seluar panjang, tidak begitu panas. Saya rasa kalau sa-kira-nya kita buat pakaian yang sesuai dengan peranan polis supaya dapat di-segani dan di-geroni oleh orang ramai, saya rasa ini lebih mendatangkan faedah.

Kemudian, Tuan Pengerusi, anggota polis kita ini kurang nampak-nya dan tahun ini kita akan menambahkan anggota² polis, tetapi dengan menambahkan anggota polis, saya rasa suatu

hal yang bijak kerana kita akan menghadapi pilihanraya dan kita juga akan menghadapi banyak masalah di-masa akan datang di-mana kita mengharap-kan anggota polis kita itu banyak, tetapi kita menengok tempat dudok polis ini mendukachitakan. Ada yang dudok dalam barek² yang sudah usang² atau pun yang P.W.D. atau J.K.R. telah kondemkan bangunan itu. Mereka maseh dudok lagi di-situ, rumah yang terpisah daripada dapur dan sa-bagai-nya. Ini saya rasa sudah sampai waktu-nya Kementerian ini patut mengambil perhatian tentang nasib anak² polis, anggota² mereka itu, tempat kedudukannya dan kediaman-nya supaya sesuai sa-bagai anggota polis di-dalam negara kita yang merdeka. Mungkin agak-nya bangunan ini di-buat pada zaman penjajahan dahulu dan penjajah tentu-lah tahu, kita masing² memandang polis ini hanya sa-bagai orang yang tidak ada arti kepada mereka itu, tetapi pada sa'at kita merdeka ini polis ini ia-lah penjaga keamanan dan menjaga harta benda dan nyawa ra'ayat dalam negeri ini. Saya ingin mengshorkan supaya bangunan barek² polis yang maseh tua², sudah roboh² sudah tua² itu dapat di-tukarkan dengan bangunan yang agak baharu. Bila kita sebut bangunan² yang baharu, ada juga bangunan² baharu yang di-buat untuk barek polis, tetapi bangunan ini terlalu kecil. Kadang² kalau tengok daripada luar besar, tetapi kalau kita masuk ka-dalam terlalu sempit bagi satu keluarga polis dan kalau ada anak empat, lima orang maka tempat dia itu tidak chukup. Elok-lah di-fikirkan chara bagaimana supaya kesenangan dan kerehatan mereka waktu tidak bekerja itu dapat di-fikirkan oleh Kementerian ini.

Berchakap berkenaan dengan ini juga, Tuan Pengerusi, saya teringat di-Kuala Lumpur ini kerajaan telah menyewa bangunan yang tinggi untuk Pegawai² Polis dan bangunan itu bukan kepunyaan Kerajaan, tetapi kepunyaan sharikat yang mana anggota² polis kita, pegawai² kita, Inspector Polis ditempatkan di-tempat itu. Tuan Pengerusi, kalau-lah berlaku suatu sabotage atau pun satu perbuatan khianat, di-atas itu, semua pegawai² polis yang

bertauliah, besar² belaka pangkat-nya kalau-lah sa-kali orang buat pengkhianatan melakukan satu pengkhianatan ka-dalam bangunan itu kita akan kehilangan bukan satu dan dua Pegawai² Polis tetapi kita akan kehilangan ratusan atau berpuluh² Pegawai² Polis yang terlateh dengan chukup. Sebab itu saya meminta kepada Kementerian yang berkenaan supaya memikirkan supaya tidak di-tempatkan di-suatu tempat, suatu bangunan besar bagitu, anggota polis kita atau pegawai² ini di-tempatkan di-situ. Apa lagi kalau bangunan itu sampai enam tujuh tingkat macham lift mithal-nya, ini lebeh merbahaya lagi daripada segi keselamatan diri mereka sendiri sa-bagai pegawai² yang kita berikan kepada mereka amanah bagi menjaga keselamatan dalam negeri ini. Kalau orang khianati tempat dia itu dengan satu sahaja bom tangan, dua tiga bom tangan, mungkin kita akan kehilangan banyak pegawai² yang kita sulit akan menggantikan dalam waktu yang pendek. Sebab itu saya shorkan supaya Kerajaan memikirkan sudah sampai waktu-nya Jabatan Polis ini atau pun Kementerian ini mengikhtiar-kan sa-bidang tanah atau pun apa juga bentuk-nya supaya pegawai² polis ini dapat memileki tanah rumah masing², rumah mereka, dia dudok di-rumah mereka itu sendiri dan Kerajaan sa-bagaimana biasa boleh membayar sewa rumah yang di-berikan kepada dia kira² dalam \$350 mithal-nya sa-bulan dia dapat membayar, hutang² yang dia buat kerana membuat rumah tempat masa depan dia. Kalau tiap² anggota polis, Pegawai² Polis yang tinggi² pangkat itu mempunyai tempat kedudokan di-masa depan-nya dan kalau dia tak dudok di-Kuala Lumpur dan di-pindahkan ka-tempat yang lain ka-Pulau Pinang, mithal-nya, atau ka-Ipoh, maka rumah yang di-buat-nya itu boleh di-sewakan kepada pegawai² polis yang lain yang di-tugaskan di-Kuala Lumpur ini, maka yang pertama sa-kali kita dapat menyelamatkan wang Kerajaan daripada masuk ka-dalam saku kaum kapitalis. Yang Kedua-nya, kita dapat memberikan wang kita kepada Pegawai² Polis untok mendirikan rumah-nya masing². Yang ketiga-nya kita dapat menjaga keselamatan diri

polis, pegawai² polis daripada di-serkap dengan sekali gus sebab itu saya mengshorkan kepada Kementerian yang berkenaan itu supaya bertindak dengan segera, kalau dapat dengan seberapa segera yang boleh, supaya kita tidak menempatkan Pegawai² Polis kita di-suata tempat macham bangunan yang di-sewa sekarang, empat lima tingkat yang rasa saya sangat merbahaya dan kita nampak-nya dalam negeri ini security kita pun atau keselamatan pegawai² polis kita pun nampak-nya terdedah sangat, kalau sekira-nya pasokan pengkhianat sudah mempunyai organisasi yang lebeh kuat, saya takut sungoh pegawai² kita ini akan dapat di-khianati atau di-dzalimi pada suatu masa dengan waktu yang tiba². Sebab itu saya menggesa sekali lagi kepada Menteri ini daripada kita sewa rumah itu beratus ribu ringgit sa-bulan, maka lebeh baik kita buat suatu kawasan, minta kepada Kerajaan Negeri Selangor satu kawasan di-mana Pegawai² Polis ini boleh buat rumah sharikat-nya sendiri dan mereka boleh dudok di-situ, kalau dia tak dudok di-situ dia boleh sewakan kepada pegawai polis yang lain.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya satu lagi berkenaan dengan Polis ini ia-itu Guru Ugama. Guru Ugama di-Polis ini kalau saya tengok dalam muka surat 357, B. 29 Butiran (62) saya tengok Guru Ugama gaji dia \$73 dan kalau kita tengok kapada butiran (65) Tukang Kebun \$73.84. Jadi nampak-nya tukang kebun lebeh mahal gaji-nya daripada sa-orang Guru Ugama didalam Jabatan Polis. Sebab itu saya minta kepada Menteri yang berkenaan supaya kalau tak hendak di-samakan di-antara Guru Ugama dengan Tukang Kebun ini tolong-lah perhatikan bahawa Guru Ugama ini bukan-lah saperti Tukang Kebun. Dia ini lain kerja dia, dan saya minta supaya Guru Ugama dalam Jabatan Polis ini dinaikkan atau di-timbangkan pendapatan-nya sesuai dengan peranan-nya sa-bagai Guru Ugama yang mengajar ugama kepada anak² polis, kepada anggota polis juga, dan juga kapada keluarga² polis. Ini yang saya minta

perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan yang segera.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan keselamatan pantai yang Menteri tadi menyebutkan kita punya pantai ada kira² 3,000 batu panjang-nya dan pantai kita selalu di-seludupi oleh anasir² yang kita tidak ingin ada orang masok dengan sa-chara churi membawa barang dengan sa-chara churi² lari daripada chukai dan menchari ke-untongan diri sendiri dan ini pun akan di-kawal oleh Polis dan oleh Imigreshen, tetapi kalau Imigreshen kita tidak chukup alat, tidak chukup perkakas yang boleh menangkap, menchegah penyeludupan itu, tentu-lah Kerajaan kita akan rugi, negara kita akan rugi. Bagitu juga kalau anggota² polis kita tidak chukup alat untuk mempertahankan sa-panjang² pantai kita daripada di-cherobohi atau pun di-seludupi maka saya rasa tentu-lah kita akan menderita kerugian juga.

Tuan Pengerusi, saya tahu orang² yang menangkap ikan di-tengah laut bukan-lah sa-kadar menangkap ikan sahaja, tetapi di-samping menangkap ikan ia ada membawa barang² boleh jadi di-seludupkan ka-dalam negeri kita ini dan saya minta supaya Pegawai² Imigreshen atau pun Pegawai² Polis akan dapat bertindak di-atas hal ini tetapi mereka tidak akan dapat bertindak sa-kira-nya mereka tidak chukup alat. Tadi sahabat saya dari Muar Utara menyebutkan Polis patut dan mesti ada helikopter. Saya chadangkan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya kita adakan satu Pasokan Polis Udara yang khas untuk menjaga pantai kita dari udara.

Baru² ini, Tuan Pengerusi, satu kehebohan telah berlaku dalam negeri Perak ia-itu beberapa banyak pelombong² dalam negeri Perak yang telah menchuri bijeh di-kawasan² pantai dan satu hari, saya dapat tahu, satu perahu itu dia boleh dapat tiga pikul satu hari yang sampan-nya bukan satu, Tuan Pengerusi, kadang² 20-30 kalau 3 pikul satu sampan kalau 10 sudah berapa pikul, berapa ratus pikul satu hari dan kita telah rugi berapa banyak? Dan nasib baik-lah Kerajaan Perak dan

Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak telah mengambil tindakan. Tetapi sesudah itu Negeri Perak telah meminta kepada pehak Polis supaya mengawal Pantai Remis itu dengan helikopter, dengan kapal terbang, tetapi malang polis tentu tak ada kapal terbang, dia terpaksa minta bantuan kepada Tentera Udara di-Raja kita dan makan belanja yang banyak. Sebab itu-lah Pasokan Polis telah mendapat kerjasama ini dan telah dapat mengawal pantai itu dengan helikopter dan daripada situ dapat di-selamatkan daripada orang yang men-churi² khazanah negeri kita ini. Saya menggesa kepada Kementerian supaya di-tubuhkan dengan sa-berapa segera yang boleh Pasokan Udara Polis supaya pasokan ini dapat mengawal pantai kita dengan helikopter dan dapat juga bekerjasama dengan pasokan² Polis di-tanah, di-laut dan juga dapat bekerjasama dengan Pegawai² Imigreshen dan Kastam supaya kawalan keselamatan negeri kita ini di-antara tiga pasokan yang di-bawah Kementerian ini dapat bekerjasama kerana kepentingan negara kita sendiri. Terima kasih.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang berdiri di-sini ia-lah untuk memberikan sokongan kepada wang peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk mengawal keamanan di-dalam negara kita dan telah pun berjaya dengan tegas mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita, yang mana kejayaan tersebut ada-lah terbokti dengan kecekapan dan keberanian Angkatan Senjata yang dibantu oleh ra'ayat yang tegap dan ta'at setia.

Tuan Pengerusi, di-dalam bahagian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri muka B. 29 ia-lah mengenai dengan perkara jenayah dan rompak². Pada masa ini boleh-lah di-katakan sa-makin menjadi² dari satu masa ka-satu masa bukan lagi dengan chara gelap tetapi telah di-lakukan dengan berterang². Kita tidak-lah menafikan kecekapan tenaga² Polis yang telah menjalankan tugas dan tanggung-jawab-nya untuk keamanan negara, tetapi di-sebabkan oleh kekurangan tenaga maka apa yang

di-lakukan tidak dapat di-atasi. Sudah sampai masa-nya pehak Kerajaan menambahkan tenaga Polis², Polis biasa serta menubuhkan sa-mula kawalan² untuk menjaga kawasan dan kampong², dan menambahkan Radio² Car dan juga meronda di-seluruh negara kita ini, khas-nya di-Johor, kerana di-Johor Bharu hari ini hanya ada sa-buah sahaja meronda dan juga Radio Car ini tentu-lah tidak mencukupi untuk mengatasi sa-kira-nya berlaku satu² perkara yang tidak di-ingini dan Kerajaan juga patut-lah menambahkan lagi kekuatan badan² perisik atau pun Polis Gelap untuk menchari ma'alumat² dan jenayah² supaya dapat di-perangkap terlebih dahulu tidak-lah saperti yang ada pada hari ini selalu perkara² rompak ini telah dapat di-jalankan oleh mereka dengan begitu mudah. Meronda dan Radio Car ini juga hendak-lah ditugaskan berkawal bukan sahaja waktu malam tetapi waktu siang kerana hari ini selalu berlaku merompak ini waktu siang hari.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia-lah B. 30 mengenai dengan *Immigration*. Saya telah di-fahamkan ia-itu ada empat cabang muka sungai yang sangat penting di-kawal di-Selat Tebrau hari ini sa-kira-nya betul Kerajaan hendak memperketatkan kawalan. Tetapi malang-nya tenaga pengawal tidak dapat mengatasi keperluan ini. Maksud saya bukan-lah menafikan tugas, tanggung-jawab yang sedang berjalan mengawal di-sepanjang Pantai Selat Tebrau, bahkan memang ada tetapi ada-lah melebihi daripada tenaga kawalan, kerana Angkatan Polis Laut yang meronda pantai itu hanya sa-buah sahaja, sedangkan penyeludupan² sa-tiap masa dan ketika, menunggu peluang kelalaian untuk masuk dengan chara mencheroboh di-dalam negeri kita ini, melarikan daripada pepereksaan bukan sahaja melarikan barang² chukai, bahkan mereka ada yang telah melarikan diri mengenai menggunakan Paspot batasan yang masuk ka-Malaysia ini. Jadi tidak ada erti-nya kita mengenakan sharat² tetapi mereka telah dapat masuk ka-dalam negeri kita tanpa paspot.

Di-samping itu, Tuan Pengerusi, Kerajaan hendak-lah menubuhkan satu

badan bagi mengawal orang² yang masuk ka-dalam negara kita ini masa masuk mereka telah di-pereksa dan telah di-jaga tetapi masa kembali tidak ada satu badan yang mengambil tahu hal mereka ini, sedangkan manakala mereka telah habis waktu yang di-sharatkan mereka tidak menyambong sa-mula, tetapi tidak sa-siapa yang mengambil tahu, tetapi manakala Kerajaan Singapura apakala ra'ayat Malaysia telah masuk ka-Singapura telah di-sharatkan dua minggu dudok di-sana, bila mereka tidak menyambongkan sa-mula sharat² itu mereka akan di-hukum sa-lama tiga minggu dan di-hantar kembali dan di-anggap mereka telah menyalahi undang² Singapura dan tidak di-benarkan lagi masuk ka-Singapura. Jadi kita harap Kerajaan Malaysia juga akan dapat mengikuti langkah² yang sa-rupa ini juga yang mana kita tahu ra'ayat yang bukan ra'ayat Malaysia telah masuk ka-Malaysia dengan chara menchari rezki dengan membawa barang² jualan masuk pagi dan balek waktu petang, sedangkan ra'ayat kita di-sini mesti-lah mengadakan pas kerja baru mereka boleh menchari pencharian hidup-nya di-sana. Jadi ini kita berharap supaya pehak Kerajaan kita mengambil perhatian mengenai perkara yang tersebut.

Perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, ia-lah saya juga mengambil kesempatan berchakap mengenai Jabatan Rasuah. Saya ada-lah mengalu²kan dan menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Jabatan Rasuah yang telah menjalankan tugas dan tanggung-jawab-nya. Dengan ada-nya Jabatan ini maka telah dapat di-saksikan sedikit demi sedikit perbuatan² rasuah ini dan dapat di-atasi. Sa-lain daripada itu, beberapa banyak orang² yang telah melakukan rasuah telah dapat di-berkas satu persatu-nya. Satu daripada-nya ia-lah salah sa-orang kakitangan Kerajaan yang bergaji kechil yang mempunyai anak lebeh kurang lapan orang telah di-hukum kerana menerima rasuah sabanyak tiga ringgit. Dengan sebab perbuatan churang yang telah di-lakukan maka penghidupan keluarga ini bertambah menderita kerana daripada bekerja memegang jawatan Kerajaan menjadi penganggor. Kita tidak-lah

berharap kepada Jabatan Rasuah ini sanggup menangkap ikan² kecil yang sa-rupa ini, tetapi kita mahu juga Jabatan ini supaya sanggup menangkap ikan² besar kerana kita juga telah difahamkan ada pehak yang telah melakukan rasuah tetapi kerana mereka itu terdiri daripada ikan besar, maka mereka hanya di-nasihatkan supaya bersara daripada bekerja.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kema-man): Tuan Pengerusi, di-samping menyokong peruntukan yang diminta oleh Menteri Muda Dalam Negeri bagi B. 28, 29, 30, 31 dan 32 saya juga mengambil kesempatan meng-u chapkan tahniah kepada Kementerian ini terutama di-bawah Jabatan Polis dan Penchegah Rasuah yang telah menjalankan tugas-nya dengan baik sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri Muda Dalam Negeri tadi banyak membuat tangkapan terhadap penyeludup² dan dapat menangkap barang² penyeludupan yang bernilai lebeh dairpada satu juta ringgit. Oleh sebab itu saya berharap kepada Kerajaan dapat melipat gandakan tugas ini supaya dapat menjalankan kerja²-nya dengan lebeh jaya lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya suka menyentuh B. 32 muka surat 387, Kepala-kecil (1) dan (23.) Alat² Plastik untok membuat Sijil Warga Negara dan Kad Pengenalan. Pada umum-nya semua penduduk² di-Malaysia ini yang chukup syarat di-beri Kad Pengenalan sama ada warna biru kepada warga negara, dan warna merah kepada yang bukan warga negara dan warna yang lain² lagi kepada mereka² yang tertentu. Semua kad² pengenalan yang di-keluarkan itu kalau-lah di-katakan di-kenakan bayaran maka ada-lah bayaran yang terlalu kecil. Dan semua kad pengenalan yang di-keluarkan itu sama ada kepada warga negara atau pun yang bukan warga negara tidak-lah di-kenakan apa² bayaran dan kalau-lah di-kenakan bayaran maka boleh-lah di-katakan bayaran itu telah terlampau kecil. Pada hal pada tiap² tahun kita telah mengeluarkan wang yang begitu banyak bagi mengeluarkan kad²

pengenalan yang berbalut dengan plastik dan dalam tahun 1968 Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sa-banyak \$120,250 dan pada tahun ini peruntukan telah di-minta sa-banyak \$70,000 bagi maksud yang sama. Oleh itu kalau-lah langkah yang di-ambil oleh Kerajaan sekarang dengan memberi perchuma kad² pengenalan kepada warga negara dan ra'ayat negara ini, saya ada-lah menyokong dengan kuat-nya langkah yang di-ambil ini kerana ini ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan memberi kemudahan² kepada ra'ayat negara-nya sendiri, tetapi kepada yang bukan ra'ayat, yang bukan warga negara ini saya shorkan kepada Kerajaan supaya mengenakan bayaran bagi tiap² satu kad pengenalan yang di-buat itu dengan menentukan tempoh² yang tertentu ia-itu kalau-lah warga negara kita di-berikan satu kad pengenalan dengan tidak ada bayaran atau pun bayaran yang sa-rendah-nya, maka kepada mereka yang bukan warga negara hendak-lah di-kenakan sa-kurang²-nya 10 ringgit bagi sa-tahun ia-itu dengan menentukan tempoh-nya dan hendak-lah di-barukan pada tiap² tahun sa-bagaimana yang telah di-buat oleh sa-tengah² negara di-Asia Barat. Kerana kita tahu dengan chara ini dapat-lah kita menambahkan bilangan kakitangan lagi dan menambahkan hasil negara kita ini. Kerana pada pagi tadi kita dengar ramai daripada Ahli² Dewan ini beruchap yang menerangkan banyak kad² pengenalan yang terganggu yang tidak dapat di-keluarkan dengan segera oleh kerana kekurangan kakitangan. Soalan yang kedua, Tuan Pengerusi, mengenai kad pengenalan juga yang di-berikan kepada anak² angkat. Kad pengenalan yang di-keluarkan kepada anak angkat ada terchatit "Anak Angkat" dalam kad pengenalan itu. Ini satu perkara yang boleh menyinggongkan perasaan anak² angkat yang sa-tengah²-nya tidak mengetahui dia itu menjadi anak angkat kepada satu² keluarga. Oleh itu untok menjaga perasaan sa-saorang anak angkat itu saya rasa perkara ini patut-lah di-timbangkan dan di-batalkan perkataan "Anak Angkat" yang di-tuliskan didalam tiap² kad pengenalan yang di-keluarkan itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh B. 28 Kepala-kecil (2), B. 29 Kepala-kecil (1) masaalah-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah masaalah memusatkan orang salah kapada pulau bagaimana yang di-chadangkan oleh Menteri Yang Berhormat, sa-buah pulau di-negeri Trengganu pada masa akan datang ini.

Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, orang yang tidak di-ingini jika kita pusatkan ka-sabuah pulau maka perasaan kelemahan diri-nya itu tidak dapat di-baiki-nya. Jadi, berkumpul-lah mereka yang sama² salah maka dari segi saikoloji langkah yang kita lakukan itu bukan sahaja membaiki keadaan-nya tetapi mungkin melanjutkan perasaan, sedang perkara yang paling besar yang patut kita fikirkan sumbar kewangan, sumbar kehidupan-nya saya rasa, Tuan Pengerusi, menempatkan orang yang tidak di-ingini pada sa-buah pulau maka dengan sendiri-nya orang yang dudok dalam pulau itu sendiri terfikir yang dia jahat dan jahat mereka itu tidak akan dapat di-baiki lagi sebab mereka di-asingkan dari masharakat yang lain. Saya sedar dan saya faham, Tuan Pengerusi, bahawa masaalah yang di-lakukan sa-umpama itu ia-lah maksud supaya ia tidak berhampor dengan orang yang banyak. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, memikirkan masaalah ini tidak menjadi soal besar asal sahaja pengawasi di-lakukan kerana banyak perkara² yang kita dapati orang yang sa-umpama ini ada di-merata cheroak daerah dan kawalan yang tepat yang kuat akhir-nya mereka menjadi baik. Jadi, walau pun ada hasrat Kerajaan yang tertentu dalam masaalah ini sa-kurang²-nya saya memohon-lah pandangan timbangan dalam masaalah ini di-kaji semua.

Dato' Pengerusi, berchakap saya dalam masaalah Polis sa-bagaimana sahabat² saya Yang Berhormat yang lain mengatakan khidmat polis ini satu khidmat yang sangat tinggi yang di-usahakan dan di-lakukan kapada negara kita. Yang Berhormat Menteri² kita pun selalu beruchap dalam masa kita mengenang jasa polis satu usaha yang sangat tinggi yang tidak mengira

keadaan kehidupan atau keselamatan diri kerana bekerja kapada negara dan tanah ayer. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, dalam masaalah polis ini kita harus mengkaji bahawasa-nya hanya banyak masaalah yang patut kita lakukan pada hemat saya perkara yang paling besar ia-lah membanyakkan kekuatan Polis kita bagi menyelesaikan masaalah dalam negeri. Orang yang boleh menyelesaikan masaalah ini ia-lah Jabatan Polis atau Polis Di-Raja. Jadi, pada hari ini, Tuan Pengerusi, kalau kita dapati polis laki² lebeh 15,000 orang, Polis Perempuan lebeh kurang 100 orang lebeh, kita boleh sifatkan sa-bagai jambangan bunga didalam sa-buah taman luas. Apa yang kita harap hari ini, Tuan Pengerusi, masaalah membesarkan Jabatan Polis atau anggota polis ini perlu di-kaji, kita jangan teragak memohon wang kapada Kerajaan kita dengan tujuan hendak menjaga keselamatan negara kita ini. Pegawai² Polis harus di-beri latihan yang terutama mendapat latihan yang baik dari luar negeri dalam soal jenayah, rompak-merompak, perisek negara dan sa-bagai-nya. Sapanjang yang sudah ini Jabatan Polis melakukan semua-nya dengan keadaan yang baik tetapi masaalah yang dihadapi kita sekarang ini ia-lah masaalah musuh di-dalam negeri. Jabatan Polis yang kita arahkan kalau sa-kira-nya kekuatan Polis tidak ditambah saya rasa tenaga yang ada pada polis ini tidak akan termampu bagi mengatasi masaalah yang ada dalam negeri. Tetapi pada hari ini gerakan polis kita satu gerakan polis yang baik bukan sahaja di-aku² oleh negara kita tetapi di-aku² oleh negara² lain atas kecekapan polis. Jadi, apa salah-nya menambah kecekapan ini dengan membanyakkan peruntukan yang lebeh, di-samping itu, Tuan Pengerusi, kebajikan pegawai² polis ini harus juga kita kaji. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Hilir Perak tentang pakaian polis saya rasa, Tuan Pengerusi,—ma'afkan saya chakap—pakaian polis biasa ia-lah ambilan daripada polis yang datang

dari Palestine; kita dapati juga uniform ini bagai polis di-Hong Kong. Seluar dan baju kuning dengan topi chepiau hitam dan pada orang biasa, Tuan Pengerusi, pakaian kuning yang serupa itu pun sudah jarang kita dapati dalam negeri ini. Saya mengshorkan kepada Kerajaan, Tuan Pengerusi, supaya melihat bagaimana polis di-Lebanon pakaian-nya, kecekapan-nya, kesegakan-nya dalam masa bertugas tiap² sa-orang dari mereka ada gari di-pinggang-nya yang agak berlainan dengan gari di-negara kita ini. Kemodenan pakaian-nya harus kita kaji dengan pakaian yang ada hari ini. Saya tak dapat hendak mengeluarkan perasaan hati saya, Tuan Pengerusi, sebab saya takut chubit peha kiri peha kanan sakit juga. Tetapi, kalau saya katakan pakaian polis kita sudah out-of-date tidak boleh di-tudoh kalau saya keluarkan. Jadi ini-lah perkara yang saya harap dapat di-timbangkan dan di-kaji. Saya pernah berchakap masalah pakaian polis ini sa-tahun demi sa-tahun dan perubahan-nya langsung tidak ada.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masa masalah ini di-binchangkan saya mengshorkan balek Polis Wanita bagaimana saya kata tadi, Polis Wanita dalam angkatan polis kita ini sa-bagai satu jambangan bunga dalam sa-buah taman yang indah, supaya harap sa-kurang²-nya $\frac{1}{4}$ daripada tenaga polis di-beri kepada orang perempuan, orang wanita, mereka ada mempunyai satu rahsia yang boleh menchongkil rahsia yang terpendam—kebijakan wanita ini sudah di-akuī umum oleh dunia. Di-dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, walau pun ada tiga orang ahli perempuan, wanita, di-dalam Dewan ini, boleh mengatasi 100 orang lebeh, jadi ini-lah perkara patut di-timbangkan supaya membesarkan polis wanita ini harus kita lakukan dalam negeri kita.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.35 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Pengerusi: Ahli² Yang Berhormat, saya kurang suka hendak menyekat Ahli² Yang Berhormat berchakap, sebab saya tahu ada ramai lagi Ahli² Yang Berhormat yang hendak berchakap, tetapi dengan sebab ada banyak lagi Kementerian yang patut di-selesaikan, saya merayu-lah kepada Ahli² Yang Berhormat supaya Ahli² Yang Berhormat yang dapat berchakap itu, berchakap-lah sa-berapa ringkas supaya dalam sadikit masa lagi dapat saya minta Kementerian ini menjawab sa-sudah saya beri peluang dua tiga orang lagi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya sudah berchakap tadi dalam masaalah membesarkan Pasokan Polis terutama sakali Polis Wanita. Di-samping itu saya mohon kira-nya di-timbangkan pakaian dan juga kedudukan rumah² pegawai polis. Saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya bahawa sa-nya rumah Anggota Polis ini sangat dza'if keadaan-nya. Jikalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri tidak dapat melawat rumah² barek polis, lawat ta' usah-lah yang jauh, ka-Polis Depoh sahaja pun sudah cukup. Kita dapati barek polis yang maseh patut di-baiki sedangkan Polis Depoh ini satu tempat yang di-bawa lawatan pegawai² dari jauh dan juga pelawat² dari luar negeri. Ini satu chontoh bahawa sa-nya menunjokkan bahawa rumah² Anggota Polis yang bergaji rendah maseh patut di-baharuī. Ta' usah-lah saya hendak menyentoh rumah² pegawai polis yang lain, tempat lain yang saya fikir keadaan-nya lebeh dza'if.

Tuan Pengerusi, berchakap dalam masaalah Bantuan Guaman kepada Pegawai Polis, B. 28, Pechahan-kepala 8. Dalam peruntukan ini Bantuan Guaman ada di-nyatakan sa-banyak \$3,000. Kita tahu bahawa sa-nya pegawai polis kita sentiasa terdedah dalam sa-barang tudohan, jadi bantuan

yang sa-banyak \$3,000 ini, saya fikir pada hemat saya, Tuan Pengerusi, tidak menchukupi dan saya mengshor-kan kepada Kerajaan pada tahun yang akan datang peruntokan ini di-tambah bukan sahaja Bantuan Guaman kepada Pegawai Polis, tetapi juga bantuan kepada sa-barang anggota polis terutama kepada pegawai² rendah yang tertudoh dan teraniaya, jadi Bantuan Guaman ini perlu di-adakan tambahan wang-nya. Tuan Pengerusi, B. 28, Pe-chaan-kepala 23—Tawarikh Dharurat. Di-dalam budget ini chuma ada token vote \$10. Kita tahu bahawa sa-nya Sejarah Dharurat ini sudah enam tahun lama-nya. Buku ini maseh belum lagi di-siapkan. Kita tahu bahawa sa-nya pengarang-nya ia-lah sa-orang ahli sejarah. Jadi, saya menuntut kepada Yang Berhormat Menteri supaya buku tawarikh dharurat ini di-persiapkan sa-berapa chepat yang boleh. Saya sedar bahawa penyelidekan yang wajar mesti di-lakukan, kerana buku ini ada-lah merupakan buku yang bersejarah bagi negeri kita, jikalau kita isikan dengan isi yang kurang, maka mutu dan nilai buku sejarah ini sendiri akan terlibat. Jadi, walau macham mana pun kita berharap dalam buku ini beberapa kali pun saya berchakap bahawa dharurat dalam masa tempoh 12 tahun yang pengarang-nya bukan orang yang sama kulit dengan kita, tentu-lah dia akan menghilangkan kelemahan² daripada masa penjajahan. maka mengapa dharurat ini berlaku dan kadang kala dengan kuasa mereka dharurat ini boleh habis dan boleh di-habiskan. Jadi dengan jalan itu kadang² melupa-kan hak yang sa-patut-nya di-beri pujian, di-chatetkan di-dalam buku sejarah ini. Jadi saya mohon-lah kira-nya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sa-nya buku ini hendak-lah di-samakan dengan gambar² atau, kalau boleh, walau pun pada masa awal ini karangan asal-nya dalam bahasa Inggeris tetapi hendak-lah di-Melayukan mengikut isi asal-nya.

Pada akhir-nya. Tuan Pengerusi, kerana saya menghormati nasihat Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit sahaja dalam masalah Lembaga Penapis Filem. Lembaga Penapis Filem pada

baharu² ini dalam surat khabar seniman Melayu mengatakan, penapis filem itu tidak adil pada filem² Melayu. Dalam babak² yang tertentu filem Melayu di-gunting, di-perhilangkan, kerana hendak menjaga kesuasan Melayu, tetapi pada babak² pada filem² yang lain yang bukan Melayu, babak yang patut di-gunting, di-hilangkan, tidak di-gunting. Jadi dengan sebab itu mutu filem Melayu merosot, walau pun penapisan telah di-lakukan oleh Pengerusi Lembaga Penapis Filem tetapi masalaah-nya sekarang ini dalam babak filem Melayu yang agak menyentoh ke-muskilan bangsa Melayu di-potong, tetapi pada filem lain, keluaran Holly-wood dan sa-bagai-nya, kadang² kita sendiri dapat mengok bahawa sa-nya filem itu juga menyentoh keperibadian dan kewatakan kita di-Malaysia ini, tidak di-potong. Jadi sama-lah dengan Undang² di-negeri kita, Tuan Penge-rusi, Undang² Berkhawat hanya di-kenakan kepada orang² Islam sahaja, kepada orang bukan Islam perkara ini lepas, bebas.

Dalam negeri yang demokrasi sa-umpama ini, Tuan Pengerusi, bukan masalaah penapisan filem ini tetapi penayangan wayang gambar itu sa-chara luas harus kita sekat. Kalau sa-kira-nya penayangan ini kita tidak sekat jadi dalam filem Melayu babak yang ada luar biasa sedikit kita potong dalam filem lain yang bukan Melayu babak yang sa-umpama itu tidak ada apa² halangan. Jadi dengan ini kita tidak dapat juga hendak menahan penuntun² daripada melihat dalam wabak² yang kita fikir ada berlawanan dengan kesusilaan kita. Saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya tadi bahawa sa-nya ada banyak filem² yang berupa luchah dan patut di-ketepikan, tetapi mengenai satu² filem sahaja itu saya fikir tidak adil bagi kemajuan sa-sabuah filem satu² bangsa itu.

Tuan Pengerusi, berchakap dalam masalaah imigreshen, saya bersama² dengan Ahli² yang lain menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Jabatan ini atas kechekapan-nya, tetapi segala kechekapan ini tidak dapat di-lakukan dengan sa-baik²-nya jika peruntokan bagi Kementerian ini tidak di-tambah dan di-perbesarkan. Saya fikir pegawai

di-dalam Jabatan Imigreshen ini sendiri sa-umpama dengan kita juga berniat hendak mengawal, menjaga, amanah yang di-beri oleh Kerajaan kapada-nya tetapi kalau sa-kira-nya peruntukan yang di-berikan kapada Kementerian ini tidak menchukupi, maka usaha hendak menjalankan khidmat yang begitu baik tentu-lah tidak dapat di-chapai dengan sempurna. Sunggoh pun pada masa ini perkhidmatan pegawai² Imigreshen kita chukup chekap tetapi dengan usaha yang di-lakukan pada hari ini kita patut memberi pujian kapada Jabatan itu. Jadi saya fikir, Tuan Pengerusi, kerana menghormati masa dan nasihat Tuan, chukup dahulu bagi sementara waktu. Terima kaseh.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap dalam dua perkara sahaja untuk menyokong rakan saya di-dalam Rumah yang mulia ini. Memandangkan bagaimana telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat rakan² saya daripada Muar Dalam, Johor Bahru Timor dan Hilir Perak, terutama dari Perlis Selatan ia-itu banyak kemalangan telah terjadi kapada ahli² bersenjata dari pehak Polis, saya suka mengshorkan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pegawai² Polis daripada peringkat Inspector-General sampai-lah ka-bawah, Rank and File, patut-lah mereka ini di-masokkan insurankan kemalangan. Oleh kerana baharu² ini, bagaimana telah di-terangkan oleh rakan² saya, banyak daripada janda² dan anak² yatim apabila bapa-nya telah mendapat kemalangan terbunuh atau sa-bagai-nya, sunggoh pun Kerajaan ada memberi bantuan dan ahli² dermawan memberi bantuan juga, tetapi tidak sampai ka-mana, Tuan Pengerusi. Kalau mereka itu di-insurankan \$10,000 atau \$20,000 maka ini akan menjadi satu pertolongan yang besar kapada janda dan anak²-nya. Saya shorkan supaya gaji² mereka itu di-potong 1% sahaja tiap² bulan untuk membayar insuran-nya itu. Saya minta kapada pehak Kementerian ini supaya di-timbangan.

Dan satu lagi, Tuan Pengerusi, dalam muka 370 Pechahan-kepala 70 berkenaan dengan sampan² untuk meronda di-tepi² pantai. Ada juga Yang Berhor-

mat rakan² saya dari Muar Dalam dan juga daripada Hilir Perak mengatankan supaya helikopter dan juga pasokan kapal udara mengawal dipantai² kita menjaga penyuludupan dan anasir jahat daripada luar² negeri.

Saya mengshorkan, Tuan Pengerusi, Kerajaan kita membeli² Hoovercraft dan di-letakkan satu di-barat Selat Tebrau dan satu di-timor Selat Tebrau untuk meronda di-kawasan itu supaya dapat mengatasi boat² yang laju yang di-gunakan oleh penyuludup² dan anasir² yang jahat dari pada Singapura. Kalau kita gunakan Hoovercraft sunggoh pun mahal harga-nya tetapi akhirnya kita dapat balek wang kita yang telah di-belanjakan, Demikian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Geh Chong Keat (Pulau Pinang Utara): (Bangun).

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak dapat tahu berapa minit Yang Berhormat hendak berchakap.

Tuan Geh Chong Keat: 15 minit.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: 10 minit saya boleh benarkan.

Tuan Geh Chong Keat (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head B. 32—Pesuruhjaya Pendaftaran Negara. Mr Chairman, Sir, we have heard in this House the complaints made to the Honourable Minister on the question of the delay on the issue of identity cards and citizenship certificates. I wish to lodge a formal record in associating the complaints of my constituents and the public in general.

Sir, this Department appears to be ill-supervised and inefficient. I suggest that immediate action be taken to revise and simplify the procedure, so that Registrars will be in a position to make quick decisions thus avoiding delays. It is also believed that inadequate staffing and inadequate accommodation also contribute towards this inefficiency of this Department. The Headquarters at Petaling Jaya have a staff of nearly 300, but they have space hardly enough for 200 people to move around. Added to this, they have to

maintain their various records and indices. As a result of this inadequate accommodation, I understand that their records are not properly kept, and are very often misplaced or lost. In regard to the applications for citizenship certificates or for replacement of these cards, a lot of delay and inconvenience have been caused. Therefore, to be fair to the staff, I request that the Honourable Minister should pay immediate attention to have all these defects which cause inefficiency and inadequacy of accommodation corrected. Similar conditions also prevail in the group offices in Penang, Negeri Sembilan, Kedah and Kelantan. I understand that some of these offices at the various State Offices have only Division II Officers. Therefore, I request the Honourable Minister to consider promoting these officers or put in charge Division I Officers in the various State Offices at Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan and Trengganu, and I am sure this will help to improve the efficiency and facilitate the issuing of all identity cards and Citizenship Certificates.

Sir, touching on citizenship, I would like to draw the Minister's attention to the Constitution of Malaysia, Article 19. The various Clauses (1), (2) and (3) and so on, under this Article specifically state that (a) the residential qualifications of a person applying must be 10 years out of 12 years, and (b), that the person applying must be of good character and, lastly, under (c) that he has an adequate knowledge of the National Language. Therefore, if any applicant satisfies these requirements, I am sure there would be no cause for delay in approving or turning down his application, but yet we have today in Malaysia thousands of people awaiting

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, saya mahu memberikan penjelasan sa-takat ini kerana saya fikir pentafsiran perkara² berkenaan dengan ini oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu tepat. Saya mempelawa Ahli Yang Berhormat membaca Artikel 19, ia-itu fasal² di-mana sa-orang itu boleh di-beri taraf kera'ayatan. Perkataan yang di-gunakan di-situ bukan *shall*, tetapi *may*—menunjukkan

sama ada sa-orang itu di-beri kera'ayatan atau pun tidak, terpujang-lah kapada timbang-telek atau pun *discretion* Kerajaan. Jadi bukan-lah men-chukupi, pada pendapat saya, rasa saya dengan orang itu chuma mengada¹ 10 tahun dudok di-sini, boleh bertutor bahasa Melayu; jikalau sa-kira-nya tidak ada lagi perkara² yang lain yang mesti kita tahu berkenaan dengan latar belakang-nya oleh kerana itu-lah Artikel 19 itu menggunakan perkataan *may* bukan *shall*. Kalau perkataan itu *shall*, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kalau orang itu chukup 10 tahun, dudok di-sini dan syarat² lain di-penuhi kita mesti bagi dia kera'ayatan, tetapi oleh kerana perkataan yang di-gunakan itu *may*, itu terpujang timbang-telek kapada Kerajaan. Kalau sa-kira-nya Kerajaan puas hati orang ini, memandang kapada latar belakang dia, *back-ground* dia, ada-lah akan menumpukan perasaan ta'at setia-nya sa-bulat² kapada negeri ini dan tidak ada lagi tali pertalian berhubung dengan negeri asal, kita akan bagi dia kera'ayatan, tetapi kalau ada keterangan latar belakang menunjukkan dua tahun sa-kali dia balek ka-negeri asal, ada harta benda, warith², saudara mara lagi di-negeri asal, saya perchaya Ahli Yang Berhormat pun tidak bersetuju orang yang sa-macham ini kita beri dia taraf kera'ayatan.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, I thank the Honourable Assistant Minister for the explanation, but then I would wish that this explanation be given due publicity, so that the applicants could be aware of such problems of the Government. But then, all the letters turning down application's say that they have not been considered, and quite often we have heard that they have got to have a proof of the "roots", which, of course, sometimes is quite ambiguous. Therefore, I am very glad that the Minister has pointed out the conditions, his responsibility and his assurance of being fair in considering each and every case. But still, Sir, I would like to place before him that there are many cases in which a person, or a man, through no fault of his, but in trying to be honest, declared to the Government that he has

a wife in China or perhaps in India, but that he has no connection with her, i.e. when he was a child, he went to China and, due to all these Chinese customs of child marriages, when he was five years old his mother had already made a decision for him to marry a girl. But then he has left China when he was six years old and morally obliged

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, perkara yang tadi bukan-lah menepati chontoh yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana orang yang sa-macam itu, dimana tali perhubungan dengan negeri yang asal itu tidak dapat di-elakkan, ini perkara dalam timbangan Kementerian. Kita tidak menafikan bahawa orang itu patut dapat pertimbangan, kalau sa-kira-nya perhubungan dengan negeri asal itu satu perkara yang tidak dapat di-elakkan, sa-macam yang di-kata oleh Yang Berhormat, tetapi sa-balek-nya pula ada barangkali Yang Berhormat tentu tahu, maalum dan orang yang menjadi ra'ayat di-sini dengan kaki-nya satu di-sini dan satu kaki lagi di-negeri lain. Dan pada masa dia fikir sudah banyak dia memperolehi keuntungan di-negeri ini, dia bungkus, dia balek ka-negeri dia; bukan balek tuboh badan-nya sahaja, tetapi balek dengan harta benda yang di-buat di-sini.

